


Volume II
No. 46



Wednesday
22nd December, 1965

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**SECOND SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ADJOURNMENT *SINE DIE* (Motion) [Col. 6493]

MOTIONS:

The Development Estimates, 1966—

Committee—

Heads 132 to 136 [Col. 6493]

Heads 137 to 143 [Col. 6529]

Heads 144 to 148 [Col. 6557]

Head 149 [Col. 6585]

Head 150 [Col. 6591]

**Kolej Islam Di-naikkan Taraf-nya Jadi Universiti Islam
[Col. 6599]**

NOTICE OF MOTIONS WITHDRAWN [Col. 6598]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the Second Dewan Ra'ayat

Wednesday, 22nd December, 1965

The House met at 10 a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

The Honourable ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johore Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).

- The Honourable DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johore Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister, ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

- The Honourable ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
 „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
 „ DATO' KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
 „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
 „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
 „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
 „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
 „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
 „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
 „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
 „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
 „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
 „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
 „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
 „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
 „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
 „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
 „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
 „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

ADJOURNMENT *SINE DIE*

(Motion)

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That at its rising today the House shall stand adjourned *sine die*.

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That at its rising today the House shall stand adjourned *sine die*.

MOTION

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1966

Order read for resumption of consideration of the Development Estimates, 1966, in the Committee of the whole House (21st December, 1965).

House immediately resolved itself into a Committee of the whole House.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Heads 132 to 136—

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, sa-jumlah sa-banyak \$87,731,637 telah di-chadangkan untuk perbelanjaan Kemajuan Kementerian saya bagi tahun 1966. Jumlah ini ada-lah di-bahagi²kan untuk Negeri² Tanah Melayu sa-banyak \$75,523,292 untuk Sabah sa-banyak \$2,680,000 dan untuk Sarawak sa-banyak \$9,528,345 di-bawah Kepala 132 hingga 136. Jumlah peruntokan yang di-chadangkan bagi tahun 1966 itu ia-lah lebih kurang sa-banyak \$49 juta lebih daripada jumlah peruntokan bagi tahun 1965, menunjukkan tambahan sa-banyak lebih kurang 126%. Tambahan ini menunjukkan dengan jelas keutamaan yang terus-menerus diberikan kepada kemajuan pertanian dalam bidang ekonomi negara dan ini ada-lah dengan sendiri-nya membuktikan bahawa tuduhan² Ahli² Pembangunan Dewan ini dalam masa perbahathan Anggaran Perbelanjaan Biasa

Kementerian saya baru² ini yang menyatakan bahawa peruntokan bagi kemajuan pertanian tidak menchukupi ada-lah tidak benar. Kerajaan Perikatan sa-benar-nya telah memberi keutamaan yang tinggi sa-kali kapada kemajuan pertanian di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Ranchangan² yang mempunyai harapan penoh ini semua-nya di-buat oleh Kementerian saya dan ada-lah menunjukkan betapa tinggi hasrat Kerajaan Perikatan untuk memajukan taraf hidup ra'ayat dan ekonomi negara ini. Walau pun telah menjadi chita² Kerajaan untuk menjadikan negara ini sa-buah negara perusahaan, tetapi, Malaysia tetap wujud sa-bagai sa-buah negara pertanian yang tulin sa-lama beberapa tahun lagi. Oleh yang demikian, maka ranchangan² kemajuan pertanian di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama ada-lah mustahak sa-kali ditujukan untuk meninggikan taraf ekonomi penduduk² luar bandar supaya dapat mengimbangkan taraf ekonomi penduduk² luar bandar dengan penduduk² di-dalam bandar.

Sekarang saya akan mulakan ucha-pan saya mengenai Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Kementerian saya di-bawah tiap² satu Kepala. Saya akan mulakan dengan Negeri² Tanah Melayu, kemudian Sabah dan akhir sa-kali Sarawak.

(A) NEGERI² TANAH MELAYU
Kepala 132—PERTANIAN

Bahagian Pertanian dari Kementerian saya akan melancarkan suatu ranchangan empat jurusan, ia-itu penyelidikan, pelajaran, pengembangan dan bantuan bagi menjayakan ekonomi pertanian yang akan hidup dan sehat di-dalam negeri ini. Kita harus ingat bahawa ranchangan ini akan di-jalankan di-atas bentok dasar Ranchangan Kemajuan Malaya Lima Tahun Kedua, melainkan lapangan tindakan²-nya yang besar bagi menyesuaikan dengan perkembangan yang sa-makin meluas.

Daripada peruntokan sa-banyak \$77 juta untuk pertanian di-bawah Ranchangan Malaysia pertama itu, sa-jumlah sa-banyak \$14,739,520 ada-lah di-chadang bagi kegunaan dalam tahun 1966 dan sa-banyak \$3,345,510 dari

pada-nya akan di-gunakan bagi ranchangan penyelidekan saperti berikut:

Pechahan (1): PENYELIDEKAN PADI DAN TANAMAN² BENDANG

Penyelidekan Padi akan terus menjadi ranchangan utama di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama dan sa-jumlah sa-banyak \$1.42 juta akan di-kehendaki bagi tahun 1966 untuk memperbaiki dan meluaskan kemudahan² yang ada sekarang di-Pusat² Penyelidekan Padi yang terbesar di-Kedah, Seberang Prai, Perak, Selangor, Melaka dan Kelantan.

Sa-bagai satu jurusan penyelidikan yang mustahak, maka peruntokan untuk penyelidikan padi dan lain² jenis tanaman selingan kapada kawasan bendang itu ada-lah di-chadang dalam Pechahan-kepala 19 dan 21 di-bawah Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Kedua di-satukan ka-dalam satu ranchangan, ia-itu Penyelidekan Padi dan Tanaman² Bendang supaya dapat menyenangkan pentadbiran dan mengimbangkan berbagai² lapangan penyelidikan padi dan kawasan² padi itu.

Pechahan (2): PENYELIDEKAN TANAMAN² LADANG

Sa-jumlah sa-banyak \$1.2 juta akan di-kehendaki untuk mendapatkan tanah, memajukan pusat² penyelidikan baru di-Selangor dan Trengganu dan menyediakan alat² untuk ma'mal dan rumah² kaki-tangan bagi tahun 1966.

Pechahan (3): KEMAJUAN PERKHIDMATAN MENGAWAL POKOK²

Untuk menyediakan pejabat, ma'mal², alat² dan kenderaan², tambahan kaki-tangan dan rumah² bagi perkhidmatan mengawal pokok², maka peruntokan sa-jumlah sa-banyak \$84,500 ada-lah di-kehendaki bagi tahun 1966.

Pechahan (4)-(6): PENYELIDEKAN KESUBORAN TANAH, KAJIAN² MENYUBOR DAN MENJAGA TANAH DAN PENYELIDEKAN KEGUNAAN TANAH

Penyelidekan² Kesuboran Tanah yang dulu-nya di-masokkan di-bawah Pechahan 27 dalam Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Kedua di-chadangkan supaya di-perbesar dan

di-perkemaskan lagi. Kerja² penye-
lidekan luar ada-lah di-jangka akan
selesai pada tahun 1967 dan di-waktu
itu-lah baru kita boleh mengechapkan
Peta Kesuboran Tanah di-Malaya.
Peta Kesuboran Tanah ini sangat²
berharga untuk kemajuan ekonomi,
penentuan tanah, penyesuaian tanaman
dan kaji² agronomi yang lengkap.
Sifat² yang penting penyelidikan ini
ia-lah memberi penerangan yang tepat
berkenaan dengan keadaan² tanah
yang sesuai bagi kemajuan pertanian
di-bawah berbagai² ranchangan kema-
juan tanah Kerajaan. Sa-jumlah sa-
banyak \$66,000 akan di-belanjakan
dalam 1966 untuk membeli alat² yang
mustahak bagi pasokan² penyelidik
kegunaan tanah.

Tujuan utama ranchangan penye-
lidekan kegunaan tanah yang akan
melanai perbelanjaan sa-banyak
\$349,000 yang di-kehendaki bagi tahun
1966 ini ia-lah untuk mendapatkan
satu taksiran yang tepat berkenaan
dengan chorak kegunaan tanah yang
lebeh luas di-negeri ini sa-chara ke-
seluruhan-nya. Di-masa² yang lampau,
penyelidekan yang tersusun dan terator
sa-chara keseluruhan saperti ini belum
pernah di-jalankan yang telah meny-
ebabkan kita tidak mempunyai chatitan
yang tepat mengenai kegunaan tanah
dalam buku² chatitan pengukoran
tanah sa-bagai sumber mendapatkan
taksiran² luas tanah² yang di-tanami
dengan tanaman² utama, tanah² yang
di-tanam sa-chara haram, tanah² yang
terbengkalai dan di-tinggalkan, dan
tanah² untuk tanaman² utama dan
tanaman² sambilan dengan angka² pe-
ngeluaran-nya. Peruntokan sa-jumlah
sa-banyak \$5 juta juga telah di-
masokkan di-bawah Ranchangan Kem-
ajuan Malaysia Pertama dan satu
permohonan telah di-majukan kepada
Tabong Khas Pertubohan Bangsa²
Bersatu bagi mendapatkan bantuan
kewangan untuk mendirikan sa-buah
Pusat Kemajuan dan Penyelidekan Kaji
Teknik Makanan. Dalam menunggu
kelulusan dari Tabong Khas Per-
tubohan Bangsa² Bersatu, satu tanda-
penghargaan sa-banyak \$10 ia-itu
token vote telah di-peruntokkan bagi
tahun 1966 untuk ranchangan ini.
Apabila wang² yang telah di-perolehi,
maka ada-lah di-chadang mendirikan

Pusat itu di-Serdang, Selangor, dan
kemudahan² yang ada sekarang di-
Cameron Highlands akan di-perluas-
kan dan pusat² baru di-dirikan di-
Sungai Siput atau di-Parit, Perak,
untuk menjalankan berbagai² kajian
mengenai kemungkinan pengolahan
makanan dan hasil² pertanian.

Pechahan (8): KEMAJUAN PENYELIDE- KAN TANAH² GAMBUT

Ada-lah di-chadangkan sa-jumlah
sa-banyak \$86,000 di-belanjakan pada
tahun 1966 bagi mendapatkan lebeh
banyak lagi tanah² Kerajaan untuk
pusat perchubaa tanah gambut dan
membeli alat² dan jentera² ladang
khas untuk memajukan pusat tersebut.

PENGEMBANGAN PERTANIAN

Sa-jumlah sa-banyak \$1.4 juta ada-
lah di-kehendaki untuk kerja² pengem-
bangan pertanian. Sa-bahagian yang
terbesar sa-kali dari jumlah ini akan
di-gunakan untuk perbelanjaan mem-
perluaskan kemudahan² jasmani dan
memberi bantuan² kepada pertubohan²
pengeluaran hasil² pertanian di-luar
bandar di-Negeri² Tanah Melayu.
Pengalaman² kita yang telah lalu telah
menunjukkan bahawa peranan² yang
telah di-mainkan oleh Persatuan²
Peladang itu-lah yang telah menjadi
daya utama dalam pelaksanaan ran-
changan² kemajuan di-bawah Ran-
changan Kemajuan Lima Tahun
Kedua. Persatuan² Peladang ini juga
telah menjadi gelanggang latehan yang
berkesan kepada pemimpin² petani,
dan sa-bagai pusat penyebaran kerja²
baru. Dapat di-lihat semakin lebeh
jelas kepada kita bahawa persatuan²
peladang ada-lah mempunyai peranan
yang terpenting sa-bagai daya pen-
dorong yang sangat berkesan kepada
ranchangan² kemajuan pertanian dan
perbaikan taraf hidup di-luar bandar.
Pengalaman² yang telah kita dapati
hingga hari ini menunjukkan bahawa
pertubohan² yang demikian itu telah
berhasil menyebarkan pendapat² dan
kaedah² yang baru bagi meninggikan
hasil pengeluaran pertanian. Sa-jumlah
sa-banyak \$400,000 ada-lah di-perlu-
kan bagi menyediakan bahan² bantuan
saperti pam² ayer, alat² mengawal
serangga, alat² penuai dan pengolahan,
kemudahan² mengering dan menyim-
pan kepada persatuan² peladang

supaya dapat-lah ahli²-nya memperbaiki dan meningkatkan mutu perusahaan pertanian mereka.

Pengetahuan sains bagi pengurusan ladang (science of farm management) juga tidak kurang mustahak-nya, terutama sa-kali berkenaan dengan pembahagian dan kegunaan sumber² ladang untuk pekerjaan² yang akan mendatangkan hasil yang sa-penoh²-nya kepada petani. Sa-sungguh-nya ini bukan-lah perkara baharu tetapi tidak cukup pendorongan yang telah diberikan kepada-nya. Maka ada-lah di-chadangkan satu senarai ranchangan usaha pemandu bagi pengurusan ladang akan di-anjorkan di-bawah Ranchangan Kemajuan Malaysia Pertama. Tujuan ranchangan usaha ini ialah bagi mengadakan perhubungan, dan pertunjukan² dengan sa-banyak²-nya kepada ladang² yang sedia ada pada masa ini di-tempat² yang terpilih dengan tujuan menambahkan hasil pengeluaran dan pendapatan yang baik. Sa-jumlah sa-banyak \$100,000 akan di-kehendaki bagi tahun 1966 untuk melaksanakan usaha² kemajuan yang mustahak di-dalam kawasan² ranchangan usaha itu sa-bagai pembelian² baja, benih² dan perbaikan taliayer, alat² dan jentera² pertanian, jentera² bagi pekerjaan pengolahan, bangunan setor dan kenderaan.

RANCHANGAN BANTUAN

15 ranchangan² bantuan akan di-lancharkan di-bawah Ranchangan Kemajuan Malaysia Pertama. Tujoh daripada-nya ia-lah ranchangan² yang sedang berjalan dan yang lapan lagi ia-lah ranchangan² baru. Pelancharan berbagai ranchangan bantuan di-bawah Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Kedua telah mendatangkan hasil pengeluaran yang sa-makin bertambah² kepada pekebun² kechil. Sa-jumlah sa-banyak \$8,194,000 akan di-kehendaki bagi tahun 1966 untuk memenohi semua ranchangan bantuan dan yang mustahak-nya ia-lah:

(a) RANCHANGAN TANAMAN/PEMULEHAN KELAPA

Tanaman dan pemulehan semula kelapa ia-lah suatu perhubungan

ekonomi sa-laras. Dengan dasar Kerajaan bagi melaksanakan pertanian anika jenis, pekebun² kechil kelapa yang termasuk dalam ranchangan ini telah pun mendapat hasil yang bertambah dengan chara menanam pokok² sambilan saperti nenas, jagong, pisang dan lain² di-antara pokok² saka-nya.

Sa-bagai Ranchangan perhubungan yang di-mulakan di-Johor pada bulan Jun 1963 sekarang telah meliputi tiga buah kawasan ia-itu Perak dan Kelantan. Ada-lah di-anggarkan 10,000 ekar akan dapat di-pulehkan pada akhir tahun 1965 di-bawah ranchangan ini dan berdasarkan pendapatan sa-banyak \$500 sa-ekar daripada tanaman sambilan maka pekebun² kechil kelapa ada-lah di-taksirkan akan mendapat hasil tambahan sa-banyak \$5 juta sa-tahun. Ketiga² ranchangan yang sedang berjalan di-Johor, Perak dan Kelantan akan juga di-perkemaskan dan akan di-perbesarkan lagi di-bawah Ranchangan Kemajuan Malaysia Pertama. Dua buah ranchangan baru bagi kawasan² tengah dan utara Tanah Melayu, ia-itu Selangor dan Province Wellesley, akan di-lancharkan dalam tahun 1966. Dengan hal yang demikian maka sa-jumlah \$3,434,000 akan di-kehendaki bagi tahun 1966 untuk melanjutkan ranchangan² yang ada sekarang, dan melancharkan ranchangan² baru dan untuk membeli perkakas² pejabat dan alat² luar.

(b) RANCHANGAN BANTUAN BAJA PADI

Pengalaman² yang di-dapati telah menunjukkan bahawa kejayaan² yang sederhana dan kesan balas yang baik daripada penanam² padi telah tercapai. Ada-lah di-fikirkan bahawa ranchangan² ini patut di-lanjutkan di-bawah Ranchangan Kemajuan Malaysia Pertama supaya menegohkan lagi keperchayaan penanam² padi kepada kegunaan baja dan meluaskan ranchangan bantuan baja ini supaya meliputi kawasan² tanaman padi dua kali sa-tahun. Di-masa² yang lalu bantuan baja telah di-jalankan dengan chara beransor², tetapi pada kali ini bantuan yang tetap sa-banyak 30% akan di-beri di-bawah Ranchangan Kemajuan Malaysia Pertama.

(c) RANCHANGAN JENTERA BAGI PEKEBUN² KECHIL

Menggunakan jentera bagi menyediakan tanah² telah di-ketahui sa-bagai satu chara yang berkesan bagi meluaskan lagi hasil pertanian. Sa-bagai contoh-nya, dapat-lah di-lihat dengan terang di-Seberang Prai (Province Wellesley), Utara dan Selatan, di-mana 26,000 ekar sawah telah di-tanam padi dua kali sa-tahun. Tanaman padi dua kali sa-tahun tidak akan berapa berjaya dengan tidak menggunakan alat² jentera. Mengerjakan tanah dengan alat² jentera ini ada-lah lebeh² lagi di-kehendaki bila di-pandang kepada kekurangan tanah untuk merumputkan kerbau² pembajak di-kawasan² persawahan. Menggunakan alat² jentera boleh meluaskan lagi kawasan menanam tanaman² lain saperti jagong, sayor²an, kacang tanah, dan lain² tanaman bahan makanan. Di-bawah ranchangan ini terektor² dan lain² alat pertanian akan di-belikan oleh Kerajaan dan di-sewakan kepada penanam² padi dengan sewa yang berpatutan. Sa-jumlah sa-banyak \$800,000 akan di-kehendaki bagi tahun 1966 untuk melaksanakan ranchangan ini.

(d) RANCHANGAN PEMULEHAN SEMULA DUSUN BUAH²AN

Di-bawah Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Kedua, kejayaan² yang telah di-perolehi di-bawah ranchangan pemulehan sa-mula dusun² buah²an telah melebihi matalamat yang di-tujukan. Matalamat bagi tanaman dan pemulehan sa-mula untuk lima tahun yang akan datang ini ia-lah sa-luas 30,000 ekar lagi. Kadar bantuan-nya ada-lah sama juga banyak-nya ia-itu \$100 untuk menanam sa-mula dan \$50 untuk pemulehan sa-mula. Sa-jumlah sa-banyak \$300,000 ada-lah di-kehendaki bagi tahun 1966 untuk ranchangan usaha ini.

Ranchangan² bantuan yang baru yang akan di-laksanakan di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama ia-lah untuk meluaskan penanaman padi dua kali sa-tahun, memaju dan meninggi-kan hasil pengeluaran limau, rami, jagong, kacang tanah dan janggus, pemulehan sa-mula tanaman kopi, dan memajukan serta memperbaiki perusa-

haan nanas pekebun² kechil. Sa-jumlah sa-banyak \$6.1 juta ada-lah di-kehendaki untuk menjalankan 8 ranchangan baru itu, dan perbelanjaan bagi tahun 1966 ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$1.22 juta.

Sa-lain daripada ranchangan menanam padi dua kali sa-tahun dan ranchangan nanas pekebun² kechil, maka semua ranchangan² yang lain ada-lah di-lancarkan untuk memenohkan tujuan anika pertanian di-perengkat pekebun² kechil. Tanaman² yang terkandung dalam ranchangan² ini ada-lah mempunyai kemungkinan yang besar untuk di-perluaskan lagi. Pada masa ini tanaman² tersebut belum lagi di-jalankan sa-chara besar²an di-sebabkan pekebun² kechil tidak mempunyai kesanggupan bagi meluaskan-nya. Pengalaman² yang ada telah menunjokkan bahawa pengembangan pertanian sahaja tanpa bantuan² kebendaan dan kewangan tidak akan mendatangkan hasil yang di-harap²kan. Dengan hal yang demikian ranchangan² bantuan ini di-anggap mustahak supaya pekebun² kechil dapat memulakan ranchangan² Kerajaan bagi melaksanakan tujuan aneka pertanian.

PELAJARAN PERTANIAN

Untuk menjayakan ranchangan pelajaran pertanian yang berfaedah ini, maka di-chadangkan ia-itu lebeh kurang \$10 juta sa-bagai perbelanjaan pokok ada-lah di-kehendaki bagi masa 5 tahun yang akan datang dan sa-banyak \$1.3 juta dari jumlah tersebut akan di-gunakan bagi tahun 1966 untuk membiayai perbelanjaan meluaskan sekolah² pertanian yang ada ia-itu 4 buah sekolah dan membena 8 buah sekolah² baru. Soal meluaskan ranchangan melatehkan pegawai² pertanian di-perengkat Maktab dan Universiti ada-lah terserah kepada rakan sa-jawat saya. Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Sa-sungguh-nya Kerajaan memang sedar bahawa perkembangan pelajaran pertanian di-semua peringkat ada-lah sangat² mustahak untuk membena perkembangan pertanian di-negeri ini.

Kepala 133: KEMAJUAN KERJASAMA

Sa-bagaimana tahun 1965, Anggaran Perbelanjaan Kemajuan bagi Bahagian

Kemajuan Kerjasama menunjukkan hanya peruntokan bagi mendapatkan tanah, bangunan² pejabat dan rumah². Peruntokan bagi mengadakan Pinjaman Kerjasama (Co-operative Credit) jangka pendek dan sederhana telah di-masokkan ka-dalam Kumpulan Pinjaman Kerjasama (Co-operative Credit), di-bawah pengawalan Perbendaharaan.

Peruntokan tahun 1965 sa-banyak \$330,472 ia-lah bagi 9 buah rumah² dan 8 buah bangunan pejabat di-beberapa tempat. Bagi semua-nya ini, 3 buah rumah dan 4 buah bangunan pejabat ia-lah projek baru sementara, yang lain² itu ia-lah projek² yang di-bawa daripada tahun 1964. Ada-lah di-harapkan bahawa sa-tengah daripada peruntokan itu di-jangka dapat di-gunakan hingga akhir tahun 1965. Baki-nya \$156,307 akan di-pinta di-pertunjukkan bagi tahun 1966. Kelambatan menyempurnakan semua projek² itu ada-lah di-sebabkan oleh kesukaran mendapatkan tanah dalam masa yang di-tentukan. Peruntokan bagi mendapat tanah, bangunan² pejabat dan rumah² tahun 1966 ia-lah sa-banyak \$200,000. Oleh kerana jumlah sa-banyak \$156,307 di-pinta untuk di-peruntokkan sa-mula, maka projek baru bagi tahun 1966 terpaksa di-perkecilkan. Pembinaan bangunan² pejabat dan rumah² di-beberapa tempat dalam negeri² ini sesuai dengan perkembangan dasar memusat-musatkan Bahagian ini dan menempatkan pegawai² luar supaya dengan demikian membolehkan mereka lebih mudah mendekati penduduk² luar bandar.

Berhubung dengan Kumpulan Pinjaman Kerjasama, Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1966 di-jangka \$3.4 juta bagi Pinjaman Kerjasama Jangka Pendek untuk pemasaran padi dan ranchangan bantuan baja dan bagi ranchangan Pinjaman Kerjasama Jangka Pertengahan seperti Sharikat² Kerjasama Pengguna, memperbaiki kilang² padi kecil, ternakan binatang² dan ayam itek, kenderaan, Sharikat² Kerjasama Perusahaan Nanas dan sa-bagai-nya. Sa-jumlah sa-banyak \$350,000 akan di-peruntokkan untuk memenohi kehendak² pinjaman jangka pendek Sharikat Kerjasama di-Sarawak.

Kepala 134: PARIT DAN TALI AYER

Di-bawah Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua, sa-jumlah 210,759 ekar kawasan berbanding dengan matalamat 208,620 ekar telah di-lengkapi dengan kemudahan² parit-memarit. Berhubung dengan Tali Ayer, kawasan yang berjumlah 278,023 ekar sawah padi yang sedia ada dan 20,399 ekar sawah² yang dahulu-nya tidak di-gunakan telah di-lengkapi dengan tali² ayer. Daripada semua kawasan² ini, 115,107 ekar telah memungkinkan ditanam padi dua kali sa-tahun. Ia-itu 98%, 57% dan 72% masing² daripada matalamat di-bawah Ranchangan yang di-tentukan dan kekurangan² ini ia-lah di-sebabkan oleh keadaan perbelanjaan yang terhad di-perengkat² akhir ranchangan.

Berhubung dengan taliayer, Anggaran Perbelanjaan Kemajuan 1966 mengandungi 29 ranchangan² lanjutan dan 15 ranchangan² baharu. Ranchangan² baharu yang penting ada-lah seperti berikut:

Ranchangan Tali Ayer Alor Pasir, Kelantan, meliputi 2,000 ekar tanah.

Ranchangan Pump Padang Chempe-dak di-Pulau Pinang meliputi 576 ekar tanah.

Ranchangan Tali Ayer Tasek Gelugor di-Pulau Pinang meliputi 1,000 ekar tanah.

Kawasan Sawah Padi Jarak Tengah, Pulau Pinang, 250 ekar tanah.

Ranchangan Pengeluaan Krian perengkat kedua meliputi 35,000 ekar tanah.

Ranchangan Parit Setiawan meliputi 9,000 ekar tanah. Ranchangan Parit Kesang, Johor, meliputi 14,000 ekar tanah.

Parit-memarit dan Pemulehan tanah Sungai Prai Province Wellesley meliputi kawasan 3,700 ekar.

Peruntokan \$1 juta di-masokkan dalam tahun 1966 bagi peruntokkan tambahan dan menggantikan jentera dan alatan² yang mustahak untuk meneruskan pekerjaan. Sa-buah pejabat pentadbiran dan sa-buah setor di-workshop D.I.D. Persekutuan di-Ipoh akan di-bena dalam tahun 1966 kerana

pejabat yang ada sekarang tidak menchukupi untuk menempatkan kaki-tangan yang bertambah ramai dan setor itu untuk mengatasi keperluan kerja yang bertambah. Bagi pembenaan dalam tahun 1966 juga di-masokkan peruntukan membena sa-buah Ma'mal Mekenik Tanah di-Ampang yang di-kehendaki untuk mengelolakan penyiasatan chontoh² tanah supaya kekuatan asas benaan² kaji alir boleh di-tentukan.

Kepala 135—PERIKANAN

Sa-jumlah \$3,543,264 akan di-kehendaki dalam tahun 1966 untuk ranchangan² memajukan perusahaan perikanan dalam negeri² di-Malaya. Daripada jumlah ini, \$1,369,234 adalah bagi menyiapakan ranchangan² yang telah di-mulakan sementara baki-nya sa-banyak \$2,174,030 itu ada-lah bagi membiayai ranchangan² baharu.

Ranchangan² kemajuan yang terpenting dalam tahun 1966 seperti berikut :

Pechahan (1): AKUARIUM UNTUK PENYELIDEKAN IKAN² LAUT DAN AYER TAWAR

Pembenaan sa-buah akuarium untuk penyelidekan ikan² laut dan ayer tawar di-Pulau Pinang telah di-mulakan pada akhir tahun 1965 dan di-jangka akan siap pada akhir tahun 1966. Akuarium ini akan mengadakan, di-samping kemudahan² untuk penyelidekan kaji hayat perikanan, bahagian pertunjukan bagi 'awam untuk menggalakkan minat orang 'awam dalam ilmu kaji hayat perikanan laut dan ayer tawar dan hal² perikanan. Ada-lah di-harapkan bahawa bahagian pertunjukan bagi 'awam ini akan dapat di-sediakan pada akhir tahun 1967.

Pechahan (2): KEMAJUAN PELABOHAN PERIKANAN

Ranchangan² yang terpenting ada-lah sa-bagai berikut :

- (i) Penyiasatan ka-atas kuala² sungai dan arus² masok pengkalan perikanan berharga \$300,000.

Mendalamkan kuala² sungai dan arus² sungai yang terkambus ada-lah projek baharu. Tujuan ranchangan ini

ia-lah memudahkan perahu² nelayan keluar dan masok dari pengkalan² mereka pada sa-tiap masa dengan tidak bergantung kapada ayer pasang.

Ranchangan ini akan di-mulakan dengan mendalamkan Kuala Besut, Trengganu, Kuala Sungai Bruas, Perak, dan Kuala Kedah, Kedah, dengan anggaran perbelanjaan masing² sa-banyak \$80,000, \$60,000 dan \$60,000. Berkaitan dengan ranchangan ini sa-jumlah \$100,000 lagi akan di-belanjakan kerana penyieliasatan oleh pakar² dalam perkara kaji alir di-atas chara² hendak mendalamkan kuala² dan mengekalkan keadaan bagitu.

- (ii) Kemajuan pengkalan² perikanan dan kemudahan² tambahan bagi-nya berharga $\frac{1}{2}$ juta.

- (iii) Penyiasatan permulaan ka-atas pembenaan sa-buah pelabohan Perikanan di-Pulau Pinang berharga \$100,000.

Di-samping kerja² mendalamkan kuala² ka-pengkalan² perikanan, kemudahan² bagi menaikkan ikan² akan juga di-sediakan di-beberapa pusat perikanan. Sa-buah pengkalan berharga \$50,000 akan di-bena di-Kuala Perlis. Sa-buah pusat menaikkan ikan² di-Kuala Kedah, akan di-bena dengan bantuan Kerajaan Canada di-bawah Ranchangan Colombo. Bahagian perbelanjaan membena pusat ini yang akan di-bayar oleh Kerajaan Malaysia ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$800,000. Separoh daripada jumlah ini ia-itu \$400,000 di-jangka akan di-belanjakan dalam tahun 1966. Penyiasatan ka-atas pembenaan satu pelabohan perikanan di-Pulau Pinang untuk memberikan kemudahan² kapada kapal² perikanan yang menangkap ikan di-laut lepas menaikkan ikan²-nya akan di-mulakan dengan perbelanjaan \$100,000. Pelabohan ini akan memudahkan nelayan² negeri ini meluaskan perusahaan mereka ka-laut India. Di-Pantai Timor beberapa pembaikan kapada kemudahan² di-bawah Ranchangan Bilek² Sejkok di-Pantai Timor akan di-lakukan.

Pechahan (3): RANCHANGAN BANTUAN KEWANGAN KAPADA PERUSAHAAN PERIKANAN

Dalam tahun 1966 Kerajaan akan melancarkan satu ranchangan bantuan kapada nelayan² yang akan di-lakukan dengan pinjaman² daripada Kerajaan dan juga pertubohan² separoh Kerajaan. Di-bawah ranchangan ini, pemberian terus sa-banyak 30% akan di-beri kapada permohonan² daripada nelayan² yang di-luluskan. Tujuan ranchangan ini ia-lah bagi meringankan bebanan kewangan kapada nelayan² dan kerana itu akan memberikan galakan kapada mereka² supaya menukarkan perahu² dan perkakas² mereka kapada jenis yang lebih baik lagi. Bantuan ini akan di-beri khusus-nya bagi membeli moto² bot, jentera dan perkakas menangkap ikan dan akan di-salurkan melalui pertubohan² nelayan seperti Sharikat² Kerjasama Nelayan dan Persatuan² Nelayan.

Pechahan (5): MAKTAB PERIKANAN

Kerja² permulaan bagi membena sa-buah maktab perikanan di-Pulau Pinang akan di-mulakan dalam tahun 1966.

Pechahan (8): KAPAL² PENGAWAL DAN PEMEREXSA PERIKANAN

Jumlah \$400,000 ini ada-lah merupakan langkah pertama dalam ranchangan membena angkatan kapal² pengawal dan pemeriksa perikanan.

Pechahan (10): PUSAT PERIKANAN AYER TAWAR

Sa-buah Pusat Latehan Perikanan Ayer Tawar akan di-bena di-Bukit Tinggi, Pahang, bagi melateh petani² dan penternak ikan dalam chara² menternak ikan². Ranchangan ini di-chadangkan bagi memenuhi kekurangan tempat² tinggal atau asrama bagi pelateh² yang telah membataskan bilangan pelateh yang boleh di-beri latehan. Pusat ini di-jangka akan siap pada tahun 1967.

Kepala 136—PERHAIWANAN

Jumlah sa-banyak \$4,265,404 akan di-kehendaki bagi Bahagian Perhaiwanan dalam tahun 1966. Sa-bahagian besar daripada perbelanjaan

itu ada-lah di-untoakkan bagi kemajuan perusahaan penternakan sementara baki-nya akan di-belanjakan terutama untuk mendirikan beberapa pusat perhaiwanan dan tempat² bagi melengkapi urusan² jabatan perhaiwanan yang lebih baik.

Dalam tahun 1966, suatu renchana telah di-ranchangkan untuk menguatkan kemajuan perusahaan² menternak ayam, babi dan lembu. Jumlah sa-banyak \$1,085,000 ada-lah di-perlukan untuk membolehkan Jabatan ini membahagi-bahagikan kira² 3,600 ekor lembu dan kerbau ka-kawasan luar bandar di-bawah ranchangan pawah. Usaha membahagikan binatang² ternakan akan di-titek beratkan kapada ranchangan² kumpulan, di-mana pembahagian boleh di-tumpukan kapada kawasan² yang benar² memerlukan-nya. Dua pusat permanian Beradas akan di-dirikan sa-bagai usaha meluaskan Pusat Permanian Beradas yang utama di-Negeri Sembilan, untuk memperbaiki penternakan lembu dan babi. Sa-bagai tambahan, renchana sa-lanjutnya telah di-ranchangkan untuk membahagikan lembu jantan, kambing² dan babi jantan yang baik baka-nya kapada peladang² daripada beberapa pusat penternakan binatang².

Bagi kemajuan perusahaan babi, sa-jumlah \$250,000 akan di-kehendaki dalam tahun 1966 untuk mendirikan sa-buah Pusat perbiakan dan penternakan babi dan pembahagian lebih kurang 2,000 ekor babi di-bawah kaedah pawahan.

Memandang kapada kemasokan susu dan bahan² yang berasal daripada susu pada tiap² sa-tahun berharga lebih kurang \$80 juta ada-lah menjadi tujuan besar bagi kita untuk meluaskan dan memajukan perusahaan susu tempatan. Untuk meninggikan lagi pengeluaran tempatan, usaha mengahwinkan lembu kachokan dengan menggunakan mani yang di-bekukan dari luar negeri daripada baka lembu yang banyak mengeluarkan susu akan di-jalankan terus sa-lain daripada mengadakan Ladang² Pengeluaran Susu. Perchubahan di-atas projek ini di-beberapa pusat penternakan telah pun di-mulakan dan bakti²-nya telah di-dapati bahawa

ranchangan pengeluaian ini ada-lah di-perlukan.

Di-bawah Ranchangan Kemajuan Malaysia Yang Pertama sa-buah Pusat Penghasilan Binatang (Animal Production Institute) akan di-dirikan untuk menjalankan kerja² penyelidikan mengenai penghasilan binatang² dengan harapan hendak merendahkan harga penghasilan dan membanyakkan lagi hasil² yang di-keluarkan oleh binatang² tempatan. Peruntukan sabanyak \$885,000 ada-lah di-kehendaki bagi tahun 1966 untuk perengkat pertama projek ini. Ada-lah di-harapkan bahawa Pusat ini bukan sahaja sa-bagai pusat penyelidikan tetapi juga bagi melateh kaki-tangan bahagian perhaiwanan.

(B) SABAH

Kepala 132—PERTANIAN

Sa-jumlah \$1,080,000 di-kehendaki bagi Kemajuan Pertanian di-Sabah dalam tahun 1966. Daripada jumlah ini, \$910,000 akan di-untokkan bagi Penyelidikan Pertanian yang meliputi perbelanjaan pokok (Capital expenditure) dan lain² perbelanjaan yang berhubung dengan ranchangan penye-lidekan padi, koko dan kelapa sawit, juga termasuk penyiasatan tanah dan ekonomi.

Kepala 134—PARIT DAN TALIAYER

Peruntukan sa-jumlah \$1,500,000 di-chadangkan bagi kerja² parit dan tali-ayer di-Sabah dalam tahun 1966, termasuk \$400,000 bagi menyambong kerja² parit-memarit di-Ranchangan Kelapa Sawit, \$800,000 bagi taliayer di-kawasan persawahan padi istimewa di-daerah pendalaman dan Pantai Barat dan \$300,000 bagi penyelidikan Kaji puncia ayer (hydrological investigations).

(C) SARAWAK

Kepala 132—PERTANIAN

Pechahan-kepala yang penting berkenaan dengan pertanian di-Sarawak ia-lah:

Pechahan 61: PENYELIDEKAN PERTANIAN

Chadangan utama ranchangan itu ia-lah hendak mendirikan Pusat Penye-

lidekan Pertanian yang baru di-Semongok. Sa-jumlah \$1,096,129 di-kehendaki dalam tahun 1966 untuk membayar perbelanjaan pokok bangunan² yang sedang lanchar di-bena. Dengan kemudahan² mengenai tanaman² dan ternakan² yang di-jalankan sekarang tetapi juga dapat melebehkan kerja² dalam bidang pertanian anika jenis.

Pechahan 62: PUSAT PERLADANGAN

Tujuan ranchangan itu ia-lah untuk melateh pemuda² dan wanita² mengenai teknik perladangan moden. Tiga buah pusat akan di-siapkan hingga tahun 1968. Peruntukan yang di-kehendaki bagi tahun 1966 berjumlah \$320,000 ia-lah bagi kerja² mengenai pusat itu di-Hilir Rejang.

Pechahan 63: PUSAT PERTANIAN

Projek ini ia-lah lanjutan ranchangan yang telah di-mulakan di-bawah Ranchangan Kemajuan Sarawak 1964-1968. Di-Pusat² Pertanian ini di-adakan pertunjukan² untuk membuka jalan ka-arah pendirian Pusat² Latehan Peladang², tiga buah akan siap di-akhir tahun 1968. Peruntukan di-kehendaki bagi tahun 1968 berjumlah \$94,700 akan di-belanjakan istimewa di-Luak dalam Bahagian Keempat.

Pechahan 66: PELAJARAN PERTANIAN

Ini ia-lah lanjutan ranchangan yang telah ada, tujuan-nya ia-lah mendidik peladang², isteri² mereka dan pemuda pemudi tentang teknik² dan kaedah pertanian yang lebeh menguntungkan. Sa-jumlah \$240,000 akan di-kehendaki dalam tahun 1966 untuk menjalankan enam buah Pusat Latehan Peladang yang ada di-Semongok, Temodok, Ridan, Oya, Luak dan Kubong.

Pechahan 69: MENJENTERAI PERLADANGAN

Tujuan ranchangan ini ia-lah hendak menyelideki kemungkinan² menggunakan jentera² perladangan yang ringan berdasarkan keadaan di-Sarawak, dan mendorongkan penggunaan jentera² yang saperti itu menerusi petunjukan² dan ranchangan sewaan. Sa-jumlah \$120,000 akan di-kehendaki dalam tahun 1966.

Pechahan 72: PERTANIAN ANIKA JENIS

Ranchangan ini mengenai pertolongan bagi penanaman tanaman tambahan yang baharu seperti kelapa sawit, koko, manila hemp, limau dan lain² dengan tujuan menjenis-jeniskan pertanian di-Sarawak yang pada masa ini bergantung berat kepada getah. Kemudahan² juga di-adakan untuk menarek penanaman modal luar negeri mengenai tanaman² ini. Peruntokan dalam tahun 1966 berjumlah \$250,000 akan di-belanjakan untuk suatu ranchangan perchubaaan kelapa sawit bagi pekebun² kecil.

Pechahan 77: PINJAMAN LUAR BANDAR

Suatu peruntokan sa-banyak \$1.5 juta, di-bawah Kumpulan Pinjaman akan di-kehendaki sa-bagai pendahuluan kepada Sarawak Development Finance Corporation, tanpa syarat dan bunga, atau faedah dan membolehkan-nya menjalankan suatu dasar pinjaman yang bersesuaian, dengan faedah yang rendah kepada peserta² Ranchangan Kemajuan Tanah Kerajaan dan sa-umpama-nya. Pinjaman itu akan dapat di-bayar balek dengan sa-penoh-nya.

Pechahan 78: PENANAMAN KELAPA

Ranchangan ini bertujuan untuk menanam kelapa sa-luas 60,000 ekar dalam jangka tahun 1964-1968. Peruntokan tahun 1966 berjumlah \$1.7 juta ia-lah untuk menyempurnakan bantuan kepada pekebun², rumah bagi kakitangan dan pengangkutan.

Kepala 134—PARIT DAN TALIAYER

Sa-jumlah \$1,891,200 akan di-kehendaki dalam tahun 1966 untuk menyempurnakan harga jentera dan alatan², empat buah ranchangan parit dan taliayer, kerja² pendahuluan penyiasatan dan penyelidekan, penyiasatan kaji puncha ayer, terusan sungai dan pembersehan.

Pechahan 113: RANCHANGAN PARIT KABONG/NYABOR PERENGKAT PERTAMA

Projek ini ia-lah projek lanjutan dan kerja-nya berjalan lancar melebihi daripada yang di-duga, dan di-jangkakan bahawa peruntokan-nya yang di-luluskan bagi tahun 1965 ada-

lah melebihi. Perengkat Pertama ranchangan ini di-anggarkan siap dalam tahun 1966.

Pechahan 118: PEMBERSEHAN SUNGAI DAN TERUSAN

Pembersehan sungai dan terusan ada-lah sa-bahagian daripada bidang kemajuan yang perlu bagi negeri Sarawak yang bergantung besar kepada perhubungan perayeran. Sa-tengah daripada jumlah peruntokan bagi chadangan ini di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama ada-lah di-minta untuk perbelanjaan dalam tahun 1966.

Kepala 135—PERIKANAN

Satu peruntokan berjumlah \$871,000 ada-lah di-kehendaki bagi memajukan perusahaan perikanan di-Sarawak. Daripada jumlah ini \$371,000 ia-lah bagi memajukan perikanan laut dan \$300,000 perikanan ayer tawar. Apabila ranchangan kemajuan ini bergerak pantas nanti, banyak-lah lagi wang peruntokan akan di-kehendaki di-Sarawak bagi memajukan perusahaan perikanan laut di-sana. Ranchangan ini ada-lah merupakan ranchangan kemajuan yang pertama serta lengkap bagi memajukan perusahaan perikanan laut di-Sarawak yang akan di-jalankan oleh Jabatan Perikanan Persekutuan.

Ranchangan² utama kemajuan perikanan yang akan di-jalankan dalam tahun 1966 ia-lah:

- (a) Pembinaan sa-buah kapal menangkap ikan.
- (b) Menyediakan dan melengkapkan alat² menangkap ikan berharga \$40,000.
- (c) Menyediakan kemudahan² menaik dan memasarkan ikan² seperti jeti, kilang² ayer batu dan bilek² sajok berharga \$60,000.
- (d) Latehan kepada nelayan² dalam chara² menangkap ikan yang terkenal berharga \$16,000.
- (e) Peruntokan wang bantuan terus kepada nelayan² untuk membeli perahu² dan perkakas² berharga \$80,000.

Bagi ranchangan kemajuan perikanan ayer tawar berharga \$300,000, sa-bahagian besar daripada perbelanjaan ini ada-lah untuk bantuan terus kepada penternak² ikan untuk membena kolam² sa-banyak \$100 pada sa-ekar, untuk baja², paip² dan beneh² ikan.

Pembenaan rumah² kediaman ada-lah akan di-biaya² dari peruntukan ini.

Kepala 136—PERHAIWANAN

Pechahan 31: KEMAJUAN/LATEHAN KERBAU (\$159,000).

Pechahan 32: PENGHASILAN BABI (\$70,000).

Pechahan 33: PENGELUARAN AYAM (\$12,000).

Pechahan 34: PEMBELIAN BINATANG TERNAKAN (\$50,000).

Dengan itu tamat-lah keterangan dan penjelasan berhubung dengan ranchangan kemajuan 1966 ini yang dapat saya berikan dengan ringkas, sunggoh pun kalau sa-kira-nya saya terpaksa beri keterangan dengan lanjut boleh jadi ini mengambil masa sa-kali ganda lagi daripada masa yang saya telah ambil. Jadi itu-lah sahaja untuk pengetahuan Ahli² Yang Berhormat daripada Dewan ini.

Mr Chairman: I have to explain that the time allotted under this Ministry is only 1½ hours. The Minister has already taken one hour; so there is only half-an-hour left for discussion.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dapat lima minit peluang yang Tuan berikan kepada saya, saya ucapkan terima kaseh dan saya dengan ringkas-nya hendak menyatakan bahawa saya bersetuju pada dasar-nya bahawa negara kita ini tetap juga menjadi negara agraria tidak berubah menjadi kepada chorak perusahaan. Tetapi saya dukacita oleh kerana tidak ada target yang tertentu bagi Ministry ini kerana Plan Lima Tahun itu sendiri pun tidak ada target bagi tiap² tahun-nya. Oleh itu payah-lah saya hendak memberi fikiran saya walau pun fikiran saya barangkali banyak juga ada dalam hal ini.

Tetapi apa yang dapat saya sebutkan di-sini, Tuan Pengerusi, dengan ringkas-nya ia-itu saya tidak masok daripada butir demi butir tetapi saya suka hendak mengingatkan Yang Berhormat Menteri ini ia-itu dalam kita memilih priority ada satu perkara yang kita tinggal langsung di-dalam perkara ini ia-itu dalam masaalah irrigation bagi pantai timor terutama di-Kelantan yang kita tahu ada bah di-situ. Maka pembukaan tanah usaha² tali ayer amat-lah merbahaya kalau sa-kira-nya perkara itu tidak di-buat dengan terator. Dan saya tidak nampak langsung flood relief bagi Pantai Timor, yang ada ia-lah di-negeri Selangor. Sedang kita tahu di-Pantai Timor dan di-Kelantan itu memang bah-nya banyak patut di-adakan flood relief dan baru² ini pun kita sudah saksikan. Saya tidak tahu-lah kalau Menteri ini hendak menapikan bahawa tidak ada bah di-Kelantan itu. Dan ini tidak ada jadi ini-lah satu chachat yang besar, Tuan Pengerusi, di-dalam keseluruhan apa yang di-kemukakan oleh yang mulia Menteri kita ini.

Yang kedua saya suka memberi satu aluan² kepada angkatan Sukarela atau pun Peace Corps daripada Jepun yang datang hendak menolong kita berkenaan dengan agriculture dan saya perchaya-lah perkara ini dapat menchari satu jalan supaya pembaikan dan pemulehan tanaman² kita itu kita dapat lakukan dengan badan ini dan saya tidak lupa juga hendak mengingatkan Menteri kita ini bahawa di-dalam satu shor yang di-bawa oleh pasokan UNESCO di-ketika mari melawat di-negeri kita ini dia kemukakan pegawai² yang di-Afrika Barat lebeh sesuai datang ka-sini kerana orang itu lebeh mempunyai pengalaman dari segi kawasan² yang equitorial zone. Jadi, ini, saya harap kalau tidak di-sebut di-sini menjadi satu perhatian yang besar dalam perkara itu.

Dan lagi satu, Tuan Pengerusi, yang ketiga-nya ia-lah saya mengaku ada perkara² yang di-buat di-negeri Kelantan atau pun di-Pantai Timor berkenaan dengan irrigation scheme bagitu bagini tetapi ada dua perkara yang Menteri kita tidak ambil ingat langsung ia-itu drainage scheme dengan river

clearance tidak ada langsung di-sana. Sebab ini-lah perkara yang besar menyebabkan bah itu boleh menenggelamkan kawasan² sa-hingga terpaksa kita menggunakan bom pula untuk memecahkan muka² sungai itu. Pada hal kalau kita ambil chergas dalam bahagian river clearance itu saya rasa perkara ini tidak mungkin berlaku.

Dan yang akhir-nya sa-kali ia-lah saya tidak dapat-lah hendak berchakap berkenaan dengan co-operative kerana saya pun tidak tahu dan ini akan menimbulkan marah pula kepada sahabat saya yang baik ia-itu Menteri Perusahaan. Tetapi saya suka menyatakan kepada Tuan Pengerusi—I have never spoken even a single word about illegal rice mill atau pun apa² satu. I don't know why I was attacked heavily and showered with bullets and grenades from the Minister—I do not know why. Dan yang akhir sa-kali ia-itu pembaikan buahan²—perkara ini pun yang kita ada hanya ia-lah kita menggalakkan sahaja tetapi kita tidak mempunyai contoh satu yang dapat di-ikut oleh orang² kita yang menjalankan pembaikan buahan² ini. Dan akhir sa-kali the last minute, Tuan Pengerusi, ia-itu

Mr Chairman: Berapa kali akhir ini?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Yang akhir sa-kali ini tidak ada lagi yang akhir sa-kali-nya saya dapati kerja² yang di-kehendaki oleh Kementerian ini tidak mempunyai perimbangan atau pun balance berkenaan dengan intensification dan menggunakan machine dan dengan industrialization—perusahaan, jadi apabila kita ada perimbangan itu saya tidak bagitu sangat-lah yakin bahawa kerja ini akan dapat menolong menjayakan projek kita yang besar itu. Sekian.

Enche' Lim Kean Siew (Dato Kramat): rises.

Mr Chairman: May I know how long you will take?

Enche' Lim Kean Siew: Will you give me up to 11.15, i.e., about seven minutes?

Mr Chairman: I am sorry, I can only allow you five minutes.

Enche' Lim Kean Siew: Mr Chairman, Sir, I think that if we were to have a limited time, next time the Ministers should be restricted in their speech. We are given one-and-a-half hours for this Ministry and the Minister has taken one hour, and in that way, he has excluded us from speaking and criticising the Budget proposals. This is a question of guillotine upon guillotine. Mr Chairman, Sir, if the Minister has taken one hour, half-an-hour should be reserved for the Opposition and I think no Alliance backbenchers should now be allowed to speak. Only the Opposition should speak. (HONOURABLE MEMBERS: No!).

Mr Chairman, Sir, in view of the fact that I have such a short time, I cannot go through the proposals in the Budget under the Ministry of Agriculture and Co-operatives. Therefore, I shall only deal with "Fisheries" and use it as example. I will attempt to show in five minutes, that all this long-windedness of the Honourable Minister has not, in fact, given us any clear idea at all, except a very clear idea of diffusion—complete diffusion—and lack of concentration at a target. It is a question of using a spray shot to hit a mosquito.

Now, Sir, we all realise that fishing is fundamental and that our Malayan inland waters are being overfished and we need to find new areas for fishing. But what is the proposal here? Nothing! If we look at it properly we will find the following provisions.

Sub-head 5—Fisheries College, Penang, \$10,000 out of a total proposal of \$2,000,000;

Sub-head 6—Research and Training Vessel, a token vote of \$10;

Sub-head 7—Fishing Units for Trials, \$10; and

Sub-head 8—Fisheries Enforcement and Inspection Vessels, \$400,000.

Is that planning? How can Fisheries Enforcement Vessels increase the fish crop and so on? It goes from point to point. For example, there is a provision

for this year of \$300,000 for Freshwater Fisheries for Sarawak out of a total provision of \$1,500,000 but it is not to be spent without Treasury's approval!

Mr Chairman, Sir, as I can see it, practically the only thing we can praise the Ministry of Agriculture and Co-operatives is double cropping. Double cropping has increased our rice—that is, of course, by planting twice over the same area. However, we must congratulate the Ministry of Agriculture for it.

Sir, they had hoped to start a dairy farm in Malaya and they had hoped to start sheep farms and duck farms in Malaya by giving one cow to one peasant, a couple of ducks to another peasant, one sheep to a third peasant, and so on—and all that during the election time! But I understand that a lot of the cows have been slaughtered for *kenduries* on ministerial visits, (*Laughter*) a lot of the sheep have been stolen and a lot of the ducks have since died. Apart from this, what do we find? We find a symphony of tidapathy and apathy by the Government—even on artificial insemination—and a complete fantasy of new ideas. It seems as if the Government is only capable of setting up spy huts along the East Coast to give curious tourists an opportunity to back at turtles laying eggs. (*Laughter*).

Mr Chairman, Sir, I come now to a more serious problem. I think that as far as our Fisheries are concerned, we must accept that there is over-fishing, and we must find new grounds. We can only find new grounds in two ways; either we extend our fishing into the Indian Ocean or into deep sea, or we go on fishing and over-fishing in inland waters. There is nothing in this proposal to show any attempt for deep-sea fishing and all that we keep talking about; when people ask us about our deep-sea fishing industry, we refer to the canning industry of Penang, which is a joint venture of Japanese and Chinese private businessmen using Japanese "know-how".

Sir, another thing is that we can also expand our fishing industry into artificial lakes. We can, for example, have a

fresh water prawn industry. Professor Lim of UNESCO has worked for three years in Penang and has perfected the process of fresh water prawn cultivation. He has experimented successfully with the laying of fresh water prawn eggs and the hatching of fresh water prawn eggs and the breeding of fresh water prawns. This is a tremendous breakthrough. We have tin-mine lakes in the home town of the Minister of Commerce and Industry. We can rear fresh water fish there, but, as I said these lakes are empty. Then, we also realise that along the East Coast fishermen are unemployed for four months in a year. There is a whole stretch of shore-line in the East Coast in which you can have mixed fresh and salt water lakes or rivers and there you rear fresh water prawns. But I find here nothing at all to encourage this thing.

My proposal is that we should not just diffuse our efforts but that we should concentrate our fishing industries. For example, in the West Coast we should concentrate on Pulau Ketam and Tanjong Piandang as far as the mainland is concerned, and in the north, Penang Island. Penang Island should be the centre of all the trawler fishing of Malaya—deep sea trawler fishing, not shallow water trawler fishing, which is causing this problem. We should try to solve the trawler fishing dispute between trawler fishermen and the inland fishermen. When there were the killings at Mukah Head the trawler fishermen were unable to get a solution and they had privately to engage a lawyer to defend themselves when they were charged; and up till today there is no solution. Why cannot we solve this problem? Surely, if we make sure that the trawler fishermen should go only for deep sea fishing, and leave the inshore fishermen alone, we can help the fishing industry in the north. And, surely, with the number of pools and so on in the north, we can encourage fresh water fishing. Here, we find that there is no attempt whatsoever to develop the fishing industry along those lines. What we find is a complete diffusion of attempts to set up fishing units, attempts to set up

trawler investment units, attempts to set up fishing colleges, but no real attempt has been made to tackle the problem at its grassroots. Mr Chairman, Sir, it is because of this that I say that the plannings of the Ministry of Agriculture and Co-operatives have been diffused—they have been doing too many things and therefore are unable to concentrate properly. This is haphazard expansion.

Mr Chairman, Sir, if we glance through the rest of the budget proposals we find the same thing—drainage and irrigation schemes a bit here, drainage and irrigation schemes a bit there. The Kuala Muda Scheme, which is in the Development Plan, has not been taken and correlated to the normal development programme of our Ministry of Agriculture and Co-operatives. There is nothing that has been done here whatsoever to encourage animal husbandry on a large-scale basis. There is nothing, in fact, done to make sure that we have centres whereby fishing trawlers and fishermen have port facilities. We have Kuala Muda and we have various landing places in Penang. We have no concentration of efforts. It is much better if all the fishing industry is concentrated on a few points, and together with this fishing industry concentration we should also have fish meal factories which should take over fish that cannot be sold in the market—surplus fish and bad fish, like sharks and so on, which are not fit for human consumption. We should also not only have fishmeal factories but we should also have canning factories for fish along those areas. Mr Chairman, Sir, we should also have in the East Coast as well as in Penang, refrigerated vans which can be put on trailers and taken away from the fishing centres into the fishing markets. For example, in the East Coast the big problem is icing the fish and carrying the fish to the Kuala Lumpur market. Much of the fish caught in the East Coast deteriorate because of heat and the lack of refrigeration vans. If we had—let us take Penang again as example—refrigeration vans for fish which could take our fresh fish and deliver it straight to Ipoh, Kuala

Lumpur and Kuala Kangsar, then the fish would arrive at those markets fresh, and this will encourage the concentration of our fishing industry in special areas and this problem particularly applies to the East Coast, and I hope the Minister of Agriculture and Co-operatives would concentrate upon this question of fish industry concentration and transportation of fresh fish.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian ini. Saya hendak berchakap dalam Head 134, Tuan Pengerusi, muka 37, Butiran Kechil 51 dan 52 ia-itu Pumping Scheme yang akan di-buat dalam Sidam Kiri dan Sidam Kanan yang akan di-jalankan di-dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama ini.

Tuan Pengerusi, saya bangun menyampaikan terima kasih banyak kepada ra'ayat² yang di-kawasan berkenaan ini kepada Menteri ini yang mana telah dapat memberi peruntokan, dapat membuat pump² ayer yang dapat di-bawa ka-sawah² mereka yang mana hampir 3,000 ekar Sidam Kiri dan Sidam Kanan Sungei Muda itu.

Tuan Pengerusi, saya perchaya dengan siap-nya ranchangan tali ayer di-tempat itu, maka bukan sahaja sawah², atau pun peladang² tempat itu dapat membuat sawah²-nya, kerja sawah-nya dengan mendapati ayer² yang chukup, bahkan saya yakin dapat mereka itu menanam padi² dalam dua kali sa-tahun.

Tuan Pengerusi, hanya satu lagi yang saya harap kepada Yang Berhormat Menteri ini, ia-itu apabila hendak di-jalankan ranchangan pump² ini, terutama sa-kali ia-lah di-Sidam Kiri supaya di-siasat dengan di-halusi dan di-kaji lebeh dahulu, mudah²an dapatlah daripada Sidam Kiri, pump Sidam Kiri membawa ayer-nya sampai Pinang Tunggal. Kerana Pinang Tunggal ini ia-lah satu mukim yang bersempadan dengan Sidam Kiri dan baharu² ini Yang Berhormat Menteri tentu-lah dapat tahu ia-itu telah menjadi satu bah di-tempat itu. Walau pun Pumping

Scheme ini ia-lah untuk membawa ayer daripada Sungai Muda ka-sawah² tempat yang tersebut, tetapi di-Pinang Tunggal juga sa-macam keadaan-nya ia-itu apakala musim kemarau maka sangat-lah susah bagi peladang² itu mendapat ayer dengan chukup kerana sama saperti tempat² Sidam Kiri dan Sidam Kanan. Kerana, Tuan Pengerusi, kalau-lah dapat di-alirkan ayer daripada Sidam Kiri itu juga sampai ka-Pinang Tunggal maka saya perchaya ini bukan sahaja kesenangan bagi pesawah² di-situ dan juga dapat menjimatkan wang dengan di-adakan pump di-Sidam Kiri itu sahaja tidak payah lagi di-buatkan pump lagi di-daerah Pinang Tunggal dapat-lah di-bawa ayer daripada pump Sidam Kiri itu ka-daerah Pinang Tunggal. Ini-lah saya harap kepada Yang Berhormat Menteri ini sa-belum di-jalankan hendak-lah di-siasat terlebih dahulu ada-kah dapat membawa ayer² daripada Sidam Kiri itu terus ka-Pinang Tunggal, sekian terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): (*bangun*).

Mr Chairman: Berapa minit hendak di-anggarkan?

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Satu dua minit sahaja. Tuan Pengerusi, saya berchakap sedikit di-bawah Kepala 132, Sub-head 12—Padi Fertilizers peruntukan sa-banyak \$2,000,000.

Tuan Pengerusi, saya nampak-nya ada-lah perkara baja ini sangat mustahak kerana 70 peratus lebih daripada penduduk kita ini bekerja tanaman². Jadi, di-sini peruntukan \$2,000,000 ini bagi tahun 1966 ini ia-lah satu anggaran yang banyak. Apabila kita tengok peruntukan bagi Ranchangan Lima Tahun Malaysia ini ia-lah sa-banyak \$10 juta untuk membeli baja, kalau begitu saya fikir Kerajaan pun sedang menggalakkan orang² kita tentang sharikat kerjasama ini. Jadi lebih baik-lah bagi kementerian yang berkenaan ini mendirikan satu factory atau kilang untuk orang² pak tani ini mengambil bahagian supaya dapat mengeluarkan baja² ini. Kerana apabila dapat di-dirikan satu kilang yang dapat mengeluarkan baja² untuk ke-

perluan pak² tani kita dalam tempoh lima tahun ini \$10 juta dapat di-jualkan kepada mereka itu sendiri, dan banyak-lah faedah² kalau sa-kira-nya Kerajaan mendirikan kilang ini bagi pak tani di atas dasar sharikat kerjasama.

Pertama kalau di-dirikan kilang ini satu daripada-nya ia-lah kilang ini dapat mengadakan kerja² bagi buroh yang terlampau banyak yang tidak dapat kerja di-dalam tanah ayer kita ini, itu satu. Yang kedua-nya foreign exchange yang kita beli daripada I.C.I. dan lain² lagi ini dapat di-selamatkan dan dapat di-gunakan untuk membeli machinery² lain yang lebih lagi penting bagi kemajuan dan kejayaan negeri ini. Yang ketiga-nya profit ini—yang dapat untong kerana pak tani kita membeli di-situ—will go back to the farmers—untong itu terpulung balek kepada pak² tani. Yang keempat-nya ada-lah supply fertilizers sudah dapat di-gerentikan, kerana kita tidak lagi bergantung kepada luar negeri. Ini sa-kurang²-nya empat keuntongan yang dapat di-chapai sa-kira-nya Kerajaan mendirikan satu kilang baja untuk mengeluarkan baja² padi. Sekarang kemudahan² untuk mendapatkan by-product sudah ada kerana ESSO sudah mendirikan dia punya refinery, SHELL pun sudah mendirikan refinery-nya. Jadi by-product itu boleh dapat dengan senang untuk di-jadikan bahan² yang penting lagi mengeluarkan baja², dan ini adalah satu langkah yang mustahak kalau tidak, tidak ada guna-nya kita menggalakkan orang untuk menjayakan sharikat kerjasama tetapi Kerajaan sendiri tidak mengambil berat. Kita tengok tentang perkara saperti sharikat kerjasama bagi kertas hingga sampai sekarang pun belum dapat di-dirikan boleh jadi kerana tindasan dan tekanan daripada pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan-kah, kita tidak tahu, yang di-katakan tikam bumiputra dari belakang. Jadi saya harap dapat kerjasama daripada dua Menteri ini—Menteri Sharikat Kerjasama dengan Menteri Perdagangan dan Perusahaan mudahan² dapat di-lancarkan kilang tersebut.

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): (*rises*).

Mr Chairman: Masa sudah sampai, saya beri dua minit sahaja.

Dato' Nik Ahmad Kamil: Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh dalam masaalah ini ia-lah Kepala 134, Pechahan-kepala 13—Drainage and Irrigation Scheme in States (i) Sungei Semerak Dredging, Kelantan. Baharu² ini sa-bagaimana kita bacha dalam surat khabar telah berlaku banjir² yang besar di-pantai timur di-negeri Kelantan dan Trengganu dan satu bandar di-Pasir Puteh tidak pernah dalam ingatan orang tua² bagitu tinggi naik ayer. Sungai Semerak ini ia-lah sungai yang membawa ayer Pasir Puteh itu ka-laut. Saya tengok dalam Estimates ini, Tuan Pengerusi, mula² telah di-anggarkan \$1,160,000 yang baki bagi lima tahun ka-hadapan ini ia-lah hanya \$289,559 ia-itu bagi lima tahun 1966—1970, yang hendak di-belanjakan tahun hadapan hanya \$100,000 sahaja. Jadi oleh sebab berlaku perkara banjir yang besar²an di-Pasir Puteh baharu² ini saya minta-lah kalau boleh pehak yang berkuasa Pejabat Parit dan Taliayer Negeri dan juga Kementerian yang bersangkutan menyiasat lagi sa-takat mana-kah patut di-drainagekan sungai ini supaya tidak lagi berlaku banjir yang besar di-bandar Pasir Puteh. Saya ingat sa-waktu saya menjadi Penolong Ketua Daerah atau Ketua Jajahan di-sana 34 tahun dahulu, 1931, jikalau hujan tidak berhenti dua jam bandar Pasir Puteh itu tidak kurang daripada satu kaki sa-tengah ayer naik, dan ayer itu tidak surut melainkan 2-3 jam kemudian. Jadi, ini-lah menunjukkan banjir yang besar baharu² ini menun-jukkan sungai itu sudah makin lama makin tohor barangkali, ini pakar²-lah yang boleh menentukan tetapi saya fikir jika kita hendak mengelakkan daripada bandar itu tenggelam sa-kali lagi atau tenggelam banyak kali lagi pada masa hadapan, saya fikir banyak lagi kerja yang di-kehendaki di-buat kerana hendak menyuchikan sungai itu. Itu-lah saya minta kepada pehak Kementerian tolong timbangkan berserta dengan Kerajaan Negeri juga. Terima kaseh.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, Ahli Yang

Berhormat dari Bachok telah menegor ia-itu Ranchangan Lima Tahun ini tidak ada mempunyai target. Saya perchaya sa-malam juga perkara ini telah di-bangkitkan dan rakan saya Menteri Tanah dan Galian telah pun menerangkan kepada Dewan ini ia-itu dalam menyusun Ranchangan Lima Tahun ini kita telah menimbangkan segala ranchangan yang hendak di-buat dan target yang hendak di-tujukan atau matlamat yang hendak di-tujukan. Jadi perkara itu tidak-lah pula hendak di-beritahu terlebih dahulu kepada Ahli itu apa-kah target-nya dan bagaimana rajah-nya dan sa-bagai-nya. Tetapi perkara itu ada dalam simpanan atau pengetahuan kami. Ahli itu juga telah menegorkan ia-itu pehak Kerajaan tidak mengadakan flood relief bagi negeri Kelantan. Dan beberapa orang Ahli yang lain telah menyatakan duka-chita-nya berkenaan dengan kejadian bah yang besar di-Kelantan dan barangkali ada yang meletakkan sebab²-nya kepada Jabatan Parit dan Tali Ayer atau pun kepada Kementerian ini.

Sa-benar-nya perkara ayer bah di-Kelantan yang berlaku baru² ini adalah satu kejadian alam yang tidak berlaku semenjak 20 tahun yang sudah sa-umpama itu. Hujan turun dalam bulan ini ia-lah di-antara 20 inchi membawa 30 inchi di-beberapa tempat di-dalam kawasan negeri Kelantan dan di-dalam beberapa hari ia-itu sa-masa minggu itu dalam dua atau tiga hari itu sukatan hujan yang turun lebeh daripada 14 inchi. Kejadian ini ada-lah satu kejadian yang tidak dapat di-elakkan. Sunggoh pun sungai² kebanyakan telah pun di-chuchi dan sentiasa di-chuchi tetapi dengan sebab hujan turun lebat, maka di-sini tidak-lah dapat kita hendak menahan-nya turun. Ahli Yang Berhormat daripada Bachok juga telah menerangkan ia-itu Peace Corps atau pun Volunteers daripada negeri Jepon datang ka-sini dan membuat tegoran² dan menhadangkan juga supaya pegawai² daripada Afrika Barat datang untuk menolong di-dalam masaalah ranchangan pertanian dalam negeri ini.

Sa-benar-nya volunteers daripada Jepon dua orang daripada-nya akan sampai tidak beberapa lama lagi dan

mereka akan di-tugaskan untuk mem-baiki atau pun mengelolakan ber-kenaan dengan masalah membaiki tanaman sayoran² dan beberapa orang lagi akan datang dan mereka pula akan di-tugaskan berkenaan dengan tanaman² yang lain. Berkenaan dengan Pegawai² daripada Afrika Barat itu insha 'Allah saya akan menimbangkan perkara ini dengan teliti-nya.

Ahli Yang Berhormat daripada Datok Keramat telah menegorkan per-kara yang ada di-dalam anggaran per-belanjaan ini, kata-nya, sangat sadikit dan tidak di-beri galakan sama sa-kali oleh Kerajaan berkenaan dengan hal menangkap ikan sama ada di-laut dalam mahu pun ikan² sawah.

Saya berasa dukachita di-atas kenya-taan itu dengan sebab kalau sa-kira-nya kita pandang atau selideki dengan halus berkenaan dengan Anggaran Per-belanjaan Pembangunan yang di-buat ini, kita nampak ia-itu pada muka 40 di-bawah Kepala 135 dan Pechahan 9, di-situ ada peruntokan berkenaan dengan Regional Fry Breeding and Experimental Station ia-itu bagi kita menyiasat dan mengkaji dan membiak anak² ikan dan butiran 10, Inland Fisheries Training Centre, kita akan memberi latehan kepada nelayan² ber-kenaan dengan hal perikanan dan butiran 11, Inland Fisheries Extension di-situ juga kita telah mengadakan peruntokan berkenaan dengan-nya. Berkenaan dengan ikan laut, kita juga akan mengadakan Fishing Units for Trials. Jadi di-sini pehak Kerajaan sendiri akan mengadakan boat² bagi menjalankan perhubungan berkenaan dengan hal penangkapan ikan dan pada butiran 6 kita telah pun utorkan Research and Training Vessels. Di-sini kita akan mengadakan kapal² sendiri untuk mengadakan Research dan Training.

Enche' Lim Kean Siew: Mr Chair-man, Sir, on a point of information—I hope the Honourable Minister has not been taking advantage of my absence just now to misquote me. I said, quite clearly, that we are not concentrating enough, we have to go into deep-sea fishing, deep-sea trawler

fishing, and there is in the Budget proposal nothing with regard to deep-sea trawler fishing or encouragement to the fishing industry—merely a fishing school, and we do not even know what the fishing school is for. There is no provision, for example, for building a trawler, there is provision for the building of enforcement vessels, and I say enforcement vessels cannot produce fish.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya berduka-chita Ahli daripada Datok Keramat ini, sa-lepas dia berchakap dia sentiasa keluar tidak berada di-sini. Saya telah pun menjawab perkara ini sa-masa dalam kita membincangkan Anggaran Perbelanjaan Biasa Tahunan. Saya menyatakan pehak Kementerian sedang berunding dengan pertubohan Bangsa² Bersatu Bahagian Makanan ia-itu Food and Agricultural Organisation dan pakar daripada pertubohan itu akan datang ka-sini untuk menyiasat, meng-kaji dan menjalankan segala siasatan berkenaan dengan chara dan ikhtiar meluaskan perusahaan perikanan dalam negeri ini dan manakala penyiasatan itu telah di-buat dan penyiasatan itu telah di-buat dan penyata²-nya telah di-beri kepada saya, maka perkara ber-kenaan perikanan itu akan di-kaji sa-mula dan boleh jadi pada masa itu peruntokan² juga akan di-tambah.

Berkenaan dengan boat, sa-bagai-mana saya katakan tadi, ia-itu pada muka 40 Head 135, butiran 6 perunto-kan bagi mengadakan Research and Training Vessels akan di-adakan dalam masa yang akan datang ini. Jadi boat² ini satu kita akan adakan boat ber-kenaan dengan penyiasatan mengguna-kan pukut tunda dan satu lagi ber-kenaan dengan pukut lain jadi dengan-nya boat kita sendiri dan perhubungan di-jalankan oleh kaki-tangan Kerajaan sendiri maka dapat-lah kita menentu-kan, berkenaan dengan hal perusahaan² ini bagi masa yang akan datang.

Pada muka itu juga Butiran² 15 kita akan menggalakkan pembiakan ikan di-kawasan FLDA. Jadi ini juga ia-lah satu galakan membiakkan ikan² darat atau ikan² ayer tawar yang boleh di-galakkan dalam kolam² lombong juga

kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu ingin hendak membiakkan ikan² itu di-kolam² lombong. Jadi bagi pehak Jabatan Perikatan dan Kementerian saya, kami ada-lah menggalak dan menolong sa-bagaimana yang telah saya terangkan beberapa kali. Berapa banyak ikan yang tuan² kehendaki, insha 'Allah akan di-sediakan. Sama ada sa-ribu dua ribu, 100 ribu hatta sa-juta sa-kali pun kami boleh keluarkan dalam masa sa-tahun. Tahun ini kita telah mengeluarkan lebeh daripada sa-juta anak² ikan dan anak² ikan itu di-beri kepada penduduk² yang ada dalam negeri ini untuk membiakkan dalam kolam mereka dan ada di-antara anak² ikan ini yang di-buang atau di-letak kadalam kolam² dalam negeri ini dan dengan chara ini kita perchaya ikan² ini akan dapat di-tangkap, di-jual dan akan memberi pendapatan tambahan kepada penduduk² yang ada dalam negeri ini. Masa'alah memberi anak ikan tidak menjadi susah sa-bagaimana yang saya katakan. Walau pun satu dua million, anak ikan kita boleh keluarkan.

Enche' Lim Kean Siew: Will the Minister inform us where these FLDA schemes are going to be set up and whether he really considers \$12,000 for 1966 is sufficient and \$150,000 for the whole scheme is sufficient? I am not saying that they have not done anything, but I am saying that they have not concentrated their efforts. They have diffused a little bit here and a little bit there. That is the point of my argument—not that they have not done anything at all. After all, if you give one fish pond it is still development, but is one fish pond enough for the whole of Malaya?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, masa'alah ini masa'alah barangkali salah fahaman, salah pandangan. Sa-bagaimana yang saya katakan tadi, untuk hendak membiakkan anak ikan, satu juta anak ikan kechil tidak berkehendakkan wang sampai satu million ringgit, kerana pehak Jabatan Perikatan bukan hendak beli anak ikan. Kita tidak membeli anak ikan untuk di-beri kepada ra'ayat,

kita ada membela ibu ikan. Kita ada membela ibu ikan dan ibu ini-lah yang kita sayang sangat kerana sa-ekor ibu ikan manakala kita chuchok dengan satu jenis ubatan dia boleh mengeluarkan di-antara 30 ribu dengan 40 ribu anak ikan. Tiap² biji telur mengeluarkan anak ikan dan ini-lah yang kita beri kepada ra'ayat. Kita telah buat perkara ini dalam tahun sudah sa-bagaimana yang saya katakan lebeh daripada satu juta anak² ikan kita telah beri kepada ra'ayat dan terpulung-lah kepada ra'ayat minta anak, ambil anak ikan, bela ikan ini. Jadi ini-lah galakan yang telah di-beri oleh Kerajaan dan tidak-lah benar sama sa-kali yang Kerajaan tidak memberi galakan berkenaan dengan masaalah itu.

Berkenaan dengan menchari tempat perikanan baharu, masaalah ini juga ada-lah menjadi dasar Kerajaan ia-itu menggalakkan supaya ra'ayat ini keluar ka-tengah² lautan menangkap ikan dan sa-bagai-nya. Maka dengan sebab itu-lah pehak Kementerian saya ada-lah menggalakkan supaya ra'ayat negeri ini mengadakan boat² yang besar lebeh daripada 100 tan keluar ka-lautan tengah, hatta ka-Lautan India dan sa-bagai-nya untuk menangkap ikan dan membawa balek ikan² itu ka-negeri kita bagi menambahkan zat protein ka-negeri kita, menambahkan penjualan ikan daripada negeri kita dan sa-bagai-nya.

Berkenaan dengan ikan² yang tidak dapat di-jual di-jadikan baja, di-tinkan dan sa-bagai-nya, perkara ini ada-lah dalam kajian dan siasatan sa-bagaimana yang saya telah terangkan ia-itu satu ranchangan baharu akan di-jalankan ia-itu "Food processing" dan sa-bagai-nya. Ini termasuk juga kita memproseskan ikan dan sa-bagai-nya. Tetapi berkenaan dengan menjual ikan, memasarkan ikan—ini satu soalan yang besar barangkali mengambil masa untuk menyelesaikan-nya. Maka dengan sebab itu-lah pehak Kerajaan telah pun menubuhkan Lembaga Pemasaran hasil pertanian termasuk ikan. Jadi masaalah ini ada-lah satu masaalah yang besar yang akan di-dugakan atau di-usahakan oleh Lembaga Pemasaran itu bagi masa yang akan datang. Perkara ini

tidak-lah dapat hendak di-buat, mithalnya, sa-umpama kita buka lampu elektrik, tekan switch sahaja lampu menyala. FAMA atau pun Lembaga ini ada-lah terpaksa menjalankan usaha dan akan menghadapi berbagai² anjakan dan rintangan dan di-harap kerjasama daripada seluroh ra'ayat negeri ini terutama sa-kali ahli² perniagaan, orang² yang ada di-market² dan pembeli², termasuk Ahli² Yang Berhormat yang dapat menolong dalam masaalah ini.

Sekian-lah, Tuan Pengerusi.

Question put, and agreed to.

The sums of \$22,493,865 for Head 132; \$300,000 for Head 133; \$36,166,304 for Head 134; \$4,414,264 for Head 135; and \$4,857,204 for Head 136 agreed to stand part of the Development Estimates, 1966.

Mr Chairman: The sitting is suspended for 15 minutes.

Sitting suspended at 11.45 a.m.

Sitting resumed at 12.00 noon.

(Mr Speaker in the Chair)

Mr Speaker: Before we begin, I would like to say that I hope the Ministers themselves will realise that there is a guillotine on and not proceed as if there is no guillotine and as if the guillotine applies to the Members only. I think that is not quite fair. The guillotine applies to both sides. If it is possible for the Minister concerned—I know the difficulties—to cut short as much as possible his speech, I hope he would do that.

House immediately resolved into a Committee of the whole House.

(Mr Speaker in the Chair)

Heads 137 to 143—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr Chairman, Sir, I rise to introduce Heads 137, 138, 139, 140, 141, 142 and 143 under the Ministry of Works, Posts and Telecommunications, totalling \$167,466,831, inclusive of loan items.

It was my intention, Sir, earlier to speak fairly extensively on the various items that are listed in these Heads, but I had some trepidations as to whether Members of Parliament would take kindly to a fairly long and extensive speech coming at the fag-end of a long and dreary session. However, time has run short and you, Sir, have been compelled to apply the guillotine, and I have perforce to cut short my speech and be as brief as possible. In presenting these Estimates, I would like to draw reference to the fact that considerable progress has been made by the three Departments under my portfolio in the Second Five-Year Development Plan period 1961-1965. At the end of 1965, the length of Malaya's road network, excluding urban roads, will exceed 9,200 miles. Of this over 2,300 miles of roads were constructed in the past five years as compared with about 600 miles during the First Development Plan period. One of the main objectives of the road programme over the past five years was to link rural communities to the road network. At present there are about 6,400 miles of rural and secondary roads under State jurisdiction and 2,800 miles of federal trunk roads. Over 80% of all Malaya's roads have bituminous surface.

To improve and extend existing water supply and develop new ones about \$175 million was expended under the Second Five-Year Plan. The number of water supply schemes rose from 140 in 1960 to 170 by the end of 1965. The average daily output increased by 54% from 84 million gallons per day in 1960 to 130 million gallons in 1965. As a result the number of people served by treated water supply rose from 2.7 million to 3.7 million in 1965. The number of rural water supply schemes increased from 111 in 1960 to 159 in 1965 under the Second Five-Year Plan. This is perhaps the biggest single answer as to why water-borne diseases like cholera do not spread to wholesale epidemic levels in our country. It is useful to realize that in the ultimate analysis, there is no better insurance against water-borne diseases than good chlorinated water supply.

The postal and telecommunications services have also expanded in the handling of the increasing volume of traffic and in the facilities to be extended to rural areas. At the end of 1965 there will be 227 Post Offices, 56 Mobile Post Offices and 522 postal agencies in operation as compared to 212 Post Offices, 23 Mobile Post Offices and 307 postal agencies at the beginning of this period. In the field of telecommunications, there has also been outstanding progress and we have effected over the past five years direct subscriber dialling between a number of major towns and have installed automatic dialling within a number of regions. There are now microwave stations all along the west of the peninsula and this is being extended to the east. Alongside we have also been able to provide television channels and these are also to be extended to cover east Malaya also. The ratio of one telephone for every 13 families in Malaya is well over that of most developing countries and the First Malaysia Plan launches us on further improvements and extensions of the Plan.

I would like to mention the fact that we have now a cable connection right up to Hongkong. The rest of the cable of the SEACOM project is now being connected to Australia and by the end of 1966 we will have cause to be proud of the fact that we are linked by a common cable onwards from Australia to Canada and the American continent and beyond to England and the European continent.

It is hoped that in the coming years the cable will also go westward to India, Ceylon and other countries.

Progress is also envisaged for the States of Eastern Malaysia where we inherited a fairly low standard of telecommunications. It is hoped in the coming years to provide much better facilities in this region also—ultimately we hope to see a good system of microwave communications providing excellence of service and speed. There is now good cable connection to Jesselton and we are hoping to establish a scatter link to Kuching—in the near future.

In the Postal facilities of East Malaysia it was with some shock that I observed the virtual absence of letter delivery in Sabah. This has been changed to a degree by the implementing of delivery system in parts of Sabah. This will be extended in the years ahead.

On the road network in Sabah and Sarawak there will be improvements and extensions which will be effected over the coming years. There is a lot to be done but limited finance has obviously to be taken heed of and our progress has to be limited by the limitations imposed by finance. Even so, a sum of over \$30 million is to be spent on roads and water supplies and plant in Sarawak and Sabah.

The sum of \$167,466,831 is, of course, not as much as I would like to have for the development projects within the Ministry. But then the amount of money allocated is related to the total amount of money that is available to the nation as a whole, and therefore, the progress envisaged in the Development Estimates of 1966 is limited by this fact.

The sum mentioned by me, however, is not full indication of the extent of work that will be undertaken by us in 1966. Considerable work for the Ministries of Education, Defence, Home Affairs, Health and other Ministries is being entailed by the provision of a sum of about \$221 million enlisted in the Ministries mentioned above. Therefore in 1966 the Departments within my Ministry will be expected to spend roughly \$400 million, i.e. almost half the total provision of the Development Estimates. This, of course, is quite burdensome, in that, the responsibility for the implementation of various schemes will rest squarely on the speed with which the Public Works Department in particular can move on behalf of client Ministries. However, I am emboldened to say that the sense of dedication of duty amongst all officers and men of the various Departments within my Ministry is such that they will carry out the duties allocated to them with all speed and I have faith that we would be able to accomplish the tasks set to us to the satisfaction of

everyone and the country as a whole. It is, therefore, with this tribute to the hard and tireless work of the officers and men within the Ministry and the Departments that comprise the Government that I present the Development Estimates for 1966.

I have not, I do recognise, done full justice to the items in the Development Estimates, but then time being limited. I shall await such queries as may be asked by Members and I shall try my best to answer these to their satisfaction.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Chairman, Sir, thank you for applying the guillotine on the Ministers. If the Ministers take out of the time allocated half-an-hour to introduce their speeches and another half-an-hour to wind up, we on the Opposition or the back-benchers have only a few minutes left.

Mr Chairman: You are wasting time now. (*Laughter*).

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I shall be very brief. First of all Head 137—I would like to touch on Sub-heads 1, 2, and 3. I just want to bring to the attention of the Honourable Minister this question of the bridge at Tanjong Karang. Last year I brought to his notice that the bridge built at Tanjong Karang about four years ago had broken down even before it was used, and he promised to look into it—presumably, he is still looking at it, because the bridge is not opened to traffic; if anything, I think, it is only now that he is thinking of doing something to that bridge.

Dato' V. T. Sambanthan: Mr Chairman, Sir, before the Honourable Member wastes more precious moments, I would like to say that I have already replied to this particular matter in an answer to a question asked by some Member of the House.

Dr Tan Chee Khoon: Nevertheless, I wish to impress on this House the dilatory way in which matters are being conducted by the P.W.D. This was a matter which I raised about 1½ years ago—the new bridge broke down even

before it was used! I hope the Minister will see to it. I do agree that it is well for him, or for any Minister, to pay tribute to his serving officers in his Ministry as that always boosts their morale, but let us face the fact that there are short-comings as well.

Mr Chairman, Sir, I shall now come to Sub-head 5 of the same head—Kuala Lumpur by-pass and thorough ways. Here I notice that of the allocation of \$20 million for the next five years, \$6.12 million is for next year. I do not know whether the Minister is aware of the tremendous pressure. If he does not know it, his colleague next to him will tell him that there is tremendous congestion of traffic in Kuala Lumpur itself and the sooner we build these by-pass roads—North, South, East and West—the sooner the congestion of traffic in Kuala Lumpur will be reduced.

Mr Chairman, Sir, next I come to Sub-head 8—Grants to States for Rural Roads. I notice there is an allocation of \$63 million out of which about \$12 million will be spent next year. I also notice the small explanatory note, "Includes provision for new Rural, Local Council and New Village roads." Here, I wish to draw to his attention that in my own backyard of Batu is the biggest new village in the whole of Malaysia and it contains more than 20,000 people; the roads there need metalling, as well as the roads of many other new villages in Malaysia.

Mr Chairman, Sir, the Minister, quite rightly, has spoken on water supplies as becoming the cause of the increase of water-borne diseases. Here, I heartily agree with him. I notice that out of a total allocation of \$133 million for Malaya for the next five years, nearly \$40 million, will be spent next year—all by way of loans. Presumably all these will be recovered from the various State Governments. Consequently, I do hope that in the years to come, instead of \$133 million, or nearly \$134 million, more will be given, because if it is given by way of loan the Central Government does not lose much.

In fact, I think, the Central Government may well make a little on this

loan transaction, because, I say again, in my own back-yard of Batu there are not only new villages but there are also Malay kampongs which are in dire need of piped water supply. It is no use giving them water supply from a $\frac{1}{2}$ inch stand pipe. The people in the villages and the people in the kampongs are entitled to better water supply direct to their homes instead of the stand-pipes provided.

Mr Chairman, Sir, I now come to Head 143, Telecommunications, Sub-heads 6 and 7—Subscribers Network and Main Auto Exchange respectively. Here, I wish to draw the attention of the Minister to the numerous complaints that have appeared in the Press over this automatic exchange and subscribers network. Now that you have automatic dialling to the various towns, at least in the States of Malaysia, the Minister can say that this is an improvement and the subscribers should rejoice. Sir, I do not know whether the Minister is aware of the numerous complaints. People have complained that they have been billed for calls that they could not possibly have made. I do not know whether all these things are automatic. However, all that I wish to draw the attention of the Minister is this: is he sure that all these automatic machines are absolutely fool-proof, or is the attitude of the Telecoms Department that the customer is always wrong and the machine is always right? Now, one has to know the number of times one's telephone broke down to show that the customer is always wrong. Consequently, with this new rate of 10 cents per call, I shudder to think if one day the machine goes wrong and we are billed for 200 calls that we did not make—let alone the outstation calls! I myself, for example, sometimes look at my bill very closely and I see, "metered \$20.00", and I sometimes wonder how on earth could this come to \$20.00, when I only made three outstation calls. However, I do not have the temerity to write to the Telecoms, because back will come the answer "You are wrong; my machine is right." What proof have you got that I am wrong? I do hope that the Minister

will also think that machines can go wrong and that the customer sometimes can be right.

Mr Chairman, I also wish to dwell on this Main Auto Exchange. I wish to draw the attention of the Minister to the fact that there is a big backlog of intending subscribers. Consequently, I do not know whether this \$22.71 million for the next five years and \$2 million for next year includes facilities to cater for the big backlog of would-be subscribers. I do hope that the Minister realises that although the capital outlay may be big, this is one of the revenue earning Departments of his Ministry. Consequently, the sooner he meets the thirsty demands of the would-be subscribers, despite, maybe, wrong charges that they may have to foot the better it is. I do hope that Telecoms will catch up with this backlog of would-be subscribers in Kuala Lumpur.

I come now to Sub-head 14 of the same Head—Accounts Branch Office. Here I wish to tell the Minister that although \$1.5 million is provided, there is only a token vote of \$10.00 in these Development Estimates. I wish to ask him whether he is absolutely satisfied that his Accounts Branch, at least in Kuala Lumpur, is working satisfactorily. From my own experience, Mr Chairman, Sir, I find that my bills come rather late—only two days ago, I got my bill for my dispensary—and sometimes when you pay a little late, before the end of the month, one is loaded next month with bill that one has already paid for the previous month. Now, again, when you raise a query, they say "Apa boleh buat?" That attitude is taken by some of these officers, instead of saying, "We regret this delay in putting the accounts right. We will try and do so the next month." This is not my complaint alone, but this is the complaint of many subscribers. If we pay in the month concerned, why should the next monthly bills include the sum which we have already paid? These are a few of the things, Mr Chairman, Sir, with regard to Telecommunications: first, the shortage of telephones in Kuala Lumpur, next

the metered calls which can go wrong, particularly when we have to pay 10 cents a call above 100 calls, and finally the late accounts that sometimes are given to us—at least this is my experience in Kuala Lumpur. I do hope that the Minister, unlike some of his officers, does not think that the customer is always wrong.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit di-bawah Kepala 143 Main Automatic Exchange dan Sub-head 10, Trunk and Junctions Network. Saya, Tuan Pengerusi, suka-lah hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri di-atas Talipon Exchange di-Kota Baharu sana. Saya telah berchakap di-atas perkara ini tiap² tahun, tetapi nampak-nya dahulu ada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan akan di-buat dalam tempoh sedikit masa lagi Automatic Exchange di-Kota Baharu. Dan kedudukan-nya bagini, di-sana kalau sa-orang minta daripada Talipon Operator satu number, dia kadang² pertama kali-nya lambat dia hendak menjawab sampai 4-5 minit, sa-telah dia jawab dia kata line itu engaged. Tetapi sa-telah kemudian satu jam kemudian daripada itu kita panggil line itu balek kita tanya betul-kah atau tidak satu jam dahulu line itu engaged atau tidak. Kata tuan talipon tidak. Jadi ini kerap kali jadi, dan kadang² Talipon Operator itu menggunakan bahasa tutor chakap yang kasar, yang tidak layak. Jadi saya harap-lah kepada Menteri Yang Berhormat ini supaya di-selenggarakan atau di-chepatkan sedikit untuk mengadakan Automatic Exchange di-Kota Baharu ini. Kerana Kota Bharu ia-lah satu buah bandar yang besar dan ibu negeri bagi negeri Kelantan.

Ada pun pada masa yang lepas² Yang Berhormat Menteri itu menjawab di-tempat lain banyak lagi di-pakai Automatic Exchange. Saya tidak peduli tempat² lain yang tidak mengadakan Automatic Exchange. Boleh jadi mereka itu tidak ada mempunyai kesusahan atau pun penderitaan. Tetapi di-Kota Bharu khas-nya saya cheritakan sangat-lah kami mengalami

Dato' Haji Sardon: Kalau tidak silap saya BOAC dan Qantas sekarang ini ada dalam 24 peratus sahaja kalau tidak salah ingatan saya kalau saya hendak tetapi saya berani berchakap sekarang ini Kerajaan² yang berkenaan memang mengambil bahagian yang banyak dalam pemodalan dan keuntungan yang di-sebut 20 million itu chuma sedikit kalau di-ikutkan Malaysia Airways akan membeli kapal² terbang yang lebih moden daripada comet 4 sampai tahun 1968, 1969 boleh di-gunakan atau tidak ekonomik, ini akan memakan belanja berpuluh dan ratus million lagi dan sebab itu Kerajaan memandang dan memikirkan penting dan perlu pehak

Kerajaan juga mengambil bahagian yang tetap dan soal

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Boleh-kah tanya dua, tiga patah sahaja saya tanya apa-kah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak dapat menerangkan dengan betul-nya berapa peratus-kah daripada modal ini di-punyai oleh sharikat bangsa asing.

Dato' Haji Sardon: Terima kaseh, tadi perkara ini bagini kami semenjak perhubungan Singapura keluar daripada Malaysia sedang lagi merundingkan tentang pembentokan yang baru saya bagi faham tadi yang lebeh kurang saya tujuan oleh kami pehak Kerajaan di-sini, tetapi perkara ini sedang kita berhubung dengan Singapura.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya minta penjelasan, tadi saya dengar daripada pehak di-sini dan juga ahli daripada Batu masing² itu tidak mahu kapada exploitation. Tadi Menteri kita yang baru ini mengaku bahawa lesen² taxi telah di-beri kapada bukan bumiputera kira² hampir² 90 persen bukan-kah itu satu exploitation yang di-lakukan oleh Yang Berhormat Menteri itu.

Dato' Haji Sardon: 90 persen perniagaan² pengangkutan lori dan bas bukan taxi²—taxi tidak timbul.

Questions put, and agreed to.

The sums of \$5,345,000 for Head 144, \$17,526,030 for Head 145, \$9,437,300 for Head 146, \$261,915 for Head 147, and \$2,660,020 for Head 148 agreed to stand part of the Development Estimates, 1966.

Head 149—

The Assistant Minister of Culture, Youth and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Dato' Pengerusi, saya menchadangkan supaya Kepala 149—Kementerian Luar Negeri, wang sa-banyak \$2,900,000 menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Bagaimana dapat di-perhatikan di-dalam ranchangan belanjawan ini bagi tempoh sa-lama 1966 sampai 1970 dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama, Kementerian ini mempunyai per-

untokan sa-banyak \$12,465,000 kerana pembenaan pejabat² dan bangunan² di-saberaang laut dan daripada jumlah yang tersebut ada-lah di-anggarkan akan dapat di-belanjakan sa-banyak satu perlima bagi tiap² tahun dalam tempoh lima tahun yang tersebut itu dan sebab itu-lah bagi tahun 1966 ini sa-banyak \$2,900,000 di-kehendaki untok pembenaan bangunan² dan pejabat² di-saberaang laut.

Bagaimana biasa-nya tidak-lah dapat saya memberikan butir² jumlah kewangan bagi satu² pembenaan pejabat² untok memelihara kepentingan perhubungan kita dengan negeri² yang tidak ada hubungan diplomatic, walau macham mana pun, boleh-lah saya terangkan bagi tahun 1966 ini peruntokan sa-banyak \$2,900,000 itu ia-lah untok membena tempat kediaman bagi Surohanjaya Tinggi dan bangunan Chancery di-New Delhi. Kedua, membeli tanah bagi Chancery baharu di-Tokyo; membena bangunan Chancery di-Washington dan membena bangunan Consulate di-Songkhla, Thailand. Oleh kerana perkara ini chukup ringkas dan jelas, tidak-lah menasabah saya memanjangkan, dan dengan ini saya mengusulkan supaya Kepala 149 sa-banyak \$2,900,000 ini menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Enche' Tan Toh Hong (Bukit Bintang): I rise to support this allocation of \$12,465,000 under Head 149, for overseas buildings and office for our Ministry of External Affairs.

Sir, let such offices and buildings be symbolic of all that Malaysia stands for. I mean symbolic, not only physically, but also symbolic of our actions and our policies.

Malaysia stands for all ideals and aspirations which are direct challenges to the twin evil on slaughts of exploitation on the one hand and totalitarianism on the other. While our stand against militant communism and expansionism is consistent and unequivocal, yet Malaysia should maintain her stand without falling into the trap of being used as a pawn on the international chessboard.

For our long-term national survival Sir, it is imperative that our actions and policies are positively clear enough to end, once and for all, the talks about Malaysia being pro-West". Malaysia is not "pro-West". Malaysia is pro-Malaysia, first and last.

Sir, history has shown that there has always been a passion among the more powerful nations to dominate and to discriminate against others. Let us not forget the aftermath of World War II when Germany was dismembered, and Hungary, Poland, and the entity of the sub-continent of India were ruthlessly sacrificed in order to achieve a balance in the sphere of influences between the West and the East.

Sir, the utter ruthlessness and duplicity and selfishness of international diplomacy is something worth bearing in mind, when Malaysia is now standing in the forefront of the struggle between Asian totalitarianism and Asian democracy. Big powerful nations of both camps are extremely interested in the crisis and turmoil that are being generated in this region. Malaysia, being a small nation, could be compromised and manoeuvred, if we do not demonstrate out steadfastness in being our national self.

In recent months, Sir, we have seen the emergence of an anti-communists movement in Indonesia. While this development is encouraging, nevertheless, it may create a new unstable situation in which the Great Powers, including the West, may be tempted to sacrifice the interests of small Southeast Asian states in order to build up Indonesia as a counterpoise to Communist China.

Let us then beware of the grandiose promises of the Western nations in the name of anti-communist crusade. Sincere and responsible actions are the things that count.

Hence the question should be posed thus: Is the West pro-Malaysia, not only because of our strategic importance, not only because of our tin and rubber, but largely because of what Malaysia stands for, being a small, stable, and dynamic developing nation,

practising parliamentary democracy? Thank you, Sir.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Ahli daripada Bukit Bintang bahawa negara kita ini tidak boleh dekat dengan blok barat, atau pun blok timur. Jadi, asas-nya ini, Tuan Pengerusi, betul dengan fahaman parti saya dan ajaran agama saya yang tersebut dalam Kur'an—La sharkiah wala gharbiah—tidak sa-belah timur dan tidak sa-belah barat, tetapi yang saya hairan, kalau sudah orang² sa-belah sana berasa ajaran² Islam itu baik, mengapa-kah mereka itu tidak mahu "Cross the Floor" di-sini—itu yang saya hairan-nya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan wang yang kita minta sekarang ini, yang saya faham ia-lah hendak di-buat rumah² bagi pegawai² kita yang dudok di-sana. Jadi, tidak-lah hendak mengira dasar luar negeri kita. Kalau-lah tidak ada sebab, saya ada lagi motion yang saya hendak berchakap, tentu-lah saya berchakap panjang dalam hal ini. Apa yang saya minta daripada Kementerian kita ia-lah bangunan² yang kita hendak buat itu, kalau boleh-nya, malah sa-patut-nya, biar-lah kita buat bentuk dengan bentuk Malaysia ini supaya apabila orang² luar pergi ka-tempat Kedutaan kita, atau pun tempat Consul kita, dengan sendirinya dia nampak bahawa ini ia-lah rumah Malaysia, tetapi yang saya tengok sendiri, ia-itu sewa rumah, atau kita buat rumah mengikut plan² rumah yang ada di-negeri itu, pada hal itu tidak dapat hendak menimbulkan rasa pengertian orang kapada negeri kita, dan saya harap kalau-lah duit yang akan belanjakan ini hendak di-sewakan rumah pun, maka kita boleh-lah membayar tambahan lagi untuk hendak meminda rumah itu supaya nampak bangunan² itu merupakan negeri kita.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan pegawai², tentu-lah kita hendak menggunakan juga orang² yang di-luar, orang² yang di-negeri itu bekerja di-dalam Kedutaan², atau pun Consul² kita. Saya tidak tahu ada-kah ini terlibat dengan perbelanjaan ini, tetapi

apabila ada rumah, mesti-lah ada orang. Saya suka

Mr Chairman: Saya suka mengingatkan itu sudah lain perkara!

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Sudah lain? Kalau lain ta' boleh berchakap-lah, kalau begitu habis-lah. Terima kaseh.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Dato' Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit sahaja berchakap dalam Kementerian ini. Saya di-sabelahpagi tadi mendengar ucapan wakil daripada Bachok mengatakan dia sudah memberikan selamat tinggal kepada Dewan ini. Bagini-lah wakil PAS ini, rupa-nya dia ada lagi. Jadi macham ular berbelit², Dato' Pengerusi, saya

Mr Chairman: Saya ta' suka mendengar perkataan ular, ular berbelit² itu. Jadi, boleh makan dua belah; orang sini pun boleh kata nanti!

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Bodoh! (*Ketawa*).

Enche' Abdul Karim bin Abu: Dato' Pengerusi, sama²-lah bodoh! Saya suka mengambil bahagian sedikit dalam peruntukan ini, dahulu saya telah berkata, wakil² kita yang ada di-luar negeri hendak-lah di-adakan peruntukan wang yang besar bagi dia belajar dalam bahasa² tempat dia mewakili. Ini kerana sangat mustahak, Dato' Pengerusi, kalau dia tidak erti—wakil kita itu tidak erti, negeri mana yang di-wakili-nya bahasa anak negeri itu.

Yang kedua, penerangan sangat-lah mustahak juga di-sampaikan kepada negeri² yang wakil² kita menjadi wakil dalam negeri itu, terutama sa-kali boleh kita menggunakan penerangan ini berhubung dengan gambar². Gambar kita Malaysia di-tayangkan di dalam negeri

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, rumah, bukan hendak gambar (*Ketawa*).

Mr Chairman: Saya suka mengingatkan tegoran itu betul (*Ketawa*) tetapi

kalau macham hendak sedikit², boleh-lah, sebab kita sudah penyudah ini—dekat hendak habis sudah ini!

Enche' Abdul Karim bin Abu: Sadikit², Dato' Pengerusi. Tujuan saya berhubung dengan rumah juga tadi. Kalau rumah sahaja di-buat besar di-letakkan di-luar negeri untuk wakil kita dudok beristirahat, tidak-lah ada guna. Ini-lah tujuan saya.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Sadikit sahaja, Tuan Pengerusi, saya bangun hendak memberi sokongan penoh terhadap peruntukan bagi mendirikan pejabat² dan rumah perwakilan kita di-luar negeri yang saya tahu kebanyakan pada masa ini ada-lah di-sewa bagi penggunaan tersebut. Tetapi satu perkara sahaja kalau dapat rumah² perwakilan kita di-luar negeri ini hendak-lah di-buat satu bentok sahaja walau di-mana² di-diri sama ada di-Afrika, di-Asia, di-Eropah, supaya tiap² sa-orang duta yang di-pindah daripada satu tempat ka-satu tempat itu berasa sa-olah² dia berada di-rumah itu juga. Dan supaya tiap² sa-saorang yang melihat bangunan itu dia tahu ini ia-lah rumah perwakilan Malaysia di-luar negeri. Kerana saya tertarek satu perkara. Kebanyakan bangunan Universiti² Amerika yang telah di-diri di-timor tengah, kita tengok bentokan sahaja kita tahu ini Universiti Amerika, dengan pagar-nya, bangunan-nya dan dengan tanaman yang ada di-dalam-nya sama, tidak payah di-beritahu lagi, kita kenal ia itu sa-buah universiti. Bagitu-lah kita harap bangunan yang akan di-bangun kelak di-luar² negeri. Terima kaseh.

Dato' Nik Ahmad Kamil: Tuan Pengerusi, saya hendak membuat pandangan sedikit sahaja bagi mengikut ucapan Yang Berhormat dari Kemaman, Eropah, Afrika, Asia hawanya berlain² jikalau kita buat rumah di-Eropah itu ada tempat api-nya, bagitu bagini. Jikalau di-Asia macham Burma atau di-Thailand-kah tidak payah tempat api. Jadi payah sedikit saya fikir jikalau kita hendak bentok rupa rumah itu sa-macham sahaja kalau ada di-Afrika, baik di-Eropah, baik di-Sweden, baik di-South Amerika. Itu tegoran, saya.

Wan Mokhtar bin Ahmad: Tuan Pengerusi, bentok sahaja tetapi dalam itu boleh masok aircondition kalau negeri panas. Jadi, kalau macham Bangunan Parlimen kita ini—ini satu bentok yang istemewa begitu juga Masjid Negara, macham Muzium juga kita buat-lah bentok istemewa bagi rumah² perwakilan kita luar negeri. Soal negeri itu berhawa sejok atau panas itu tidak menjadi soal dalam hiasan dalam. Iuar, yang saya kata ini, bentok luar itu sahaja.

Question put, and agreed to.

The sum of \$2,900,000 for Head 149 agreed to stand part of the Development Estimate, 1966.

Head 150—

The Parliamentary Secretary to the Minister of Finance (Enche' Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, hanya ada satu sahaja Pechahan-kepala di-bawah Kepala 150 ini ia-itu Contingencies Reserve yang berjumlah \$40 juta. Sa-bagaimana di-masa² yang telah sudah peruntokan ini ada-lah di-perlukan untuk membolehkan Menteri Kewangan membuat pendahuluan wang kerana perbelanjaan² yang perlu serta merta dan tidak di-jangka terlebih dahulu, yang peruntokan kerana-nya tidak ada dan wang tidak dapat di-adakan kerana-nya di-bawah Pechahan-kepala yang lain dan di-bawah sa-barang kepala perbelanjaan anggaran pembangunan ya'ani Development Estimates. Jadi, Tuan Pengerusi, tidak payah-lah saya berchakap lebeh lanjut lagi. Saya menhadangkan peruntokan Contingencies Reserve sa-jumlah \$40 juta ya'ani Kepala 150 ini menjadi sa-bahagian daripada jadual. Saya mohon menhadangkan.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya bangun hendak berchakap duit Reserve Fund ini minta di-simpan di-dalam Bank Bumiputera. Saya kata begitu ia-lah kerana \$40 million ini, Tuan Pengerusi, bukan-lah sedikit. Kalau saya bermimpi pun duit \$40 million ini kalau kita letak sa-bagai fixed deposit dalam satu² bank, kalau dia beri 4% atau 2% untong sakali pun, berapa banyak dah! Ini, Tuan Pengerusi, apabila Bank Bumiputera itu

lewat tidak ada, boleh jadi ada private pula bank membuat dan apabila di-register bank itu di-jalankan dalam bulan Januari ini, kalau Kerajaan meletakkan \$40 million dalam bank itu tidak salah dan tentu-lah private bank itu boleh kaya dengan jalan itu. Jadi, saya suka hendak mendengar daripada Menteri ini oleh kerana Bank Bumiputera ini boleh juga kita katakan public authority. Kalau dia bukan public authority pun ada-kah Kerajaan bersedia untuk menyimpankan wang reserve fund yang \$40 million ini ka-dalam Bank Bumiputera.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan: Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap sambil lalu sahaja. Saya telah berkali² menyebutkan dahulu baik di-negeri, baik di-daerah dalam Pahang, saya hendak minta satu kelinik bidan di-sabuh kampung bernama Gali Hilir dalam tahun 1965. Maka saya telah di-beri tahu oleh Menteri Kesihatan, yang peruntokan ini tidak di-buat pada Malaysia Plan Yang Pertama tahun 1966. Maka dengan mustahak-nya saya fikirkan kelinik bidan itu mesti di-adakan dalam kampung yang saya katakan tadi, maka saya harap duit Contingencies Fund ini di-beri sedikit peruntokan kepada Kementerian Kesihatan untuk mendirikan kelinik bidan yang saya fikirkan mustahak di-kawasan saya. Ini saya berdiri di-hadapan ra'ayat yang akan menggunakan kelinik bidan itu lebeh daripada 3 ribu orang. Jadi saya harap kalau tidak ada pun Menteri dalam Dewan ini, Parliamentary Secretary pun tidak ada, saya harap kalau ada Pegawai daripada Kementerian Kesihatan tolong ambil ingatan ini; saya berdiri di-hadapan 3 ribu orang berkehendakkan kelinik bidan ini mesti di-dirikan dalam tahun 1966.

Enche' Hanafiah bin Hussain: Tuan Pengerusi, boleh izinkan saya menyambong perchakapan Ahli Yang Berhormat dari Raub, begitu juga saya minta izin Menteri Kewangan supaya menggunakan sedikit daripada Contingencies Reserve Fund itu untuk mengadakan satu Health Centre. Di-kawasan saya peduduk-nya 30,000 orang, sudah minta berapa tahun saya

tanya Menteri dia kata tidak ada di-dalam Development Estimates jadi bagaimana ini, Contingencies Fund elok-lah kita gunakan untuk menolong ra'ayat jelata. Terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, kalau macham itu saya minta juga di-kawasan saya 56,000 penduduk-nya top priority must be given to my constituency (*Ketawa*).

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi berchakap wang Contingencies Reserve ini hendak-lah di-simpan di-dalam Bank Bumiputera, tetapi wang Kerajaan Pusat ada di-simpan di-dalam Bank Negara ia-itu Bank Negara bagi negara Malaysia. Jadi perkara hendak menyimpan di-dalam sa-buah bank commercial saya rasa tidak dapat di-timbangkan oleh Kerajaan kerana Kerajaan ada bank-nya sendiri ya'ani Bank Negara atau bank pusat negara Malaysia ini. Ahli Yang Berhormat dari Raub

Enche' Hanafiah bin Hussain: Tuan Pengerusi, saya minta izin berchakap tentang simpan wang dalam commercial bank ini, jadi di-mana Kerajaan simpan wang masa² yang sudah, macham mana tidak boleh simpan dalam Bank Bumiputera. (*Tepok*).

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, wang² yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai ia-lah wang Departmental atau pun wang Kerajaan² atau pun daerah²—Kerajaan² Negeri atau Daerah di-mana chawangan Bank Negara tidak ada. Jadi apabila tidak ada di-tempat itu maka wang itu di-simpan-lah di-salah sa-buah bank commercial. Tetapi bagi wang Kerajaan Pusat yang ada Bank Negara-nya di-Kuala Lumpur maka lebih munasabah wang itu di-simpan di-dalam Bank yang di-punyai oleh Kerajaan Malaysia sendiri.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Ada-kah menjadi berolehan keselamatan kalau Kerajaan simpan dalam Bank Bumiputera? Itu saya tanya. Ada-kah menjadi salah mengikut peratoran kewangan bahawa Kerajaan Pusat itu menyimpan Reserve Fund itu

di-dalam bank commercial, itu saya hendak tahu?

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Kalau Kerajaan ada mempunyai bank-nya sendiri—Bank Negara atau Bank Pusat atau Central Bank maka lebih munasabah-lah wang itu di-simpan di-dalam bank-nya sendiri sa-bagaimana juga kalau sa-saorang director bank dia menyimpan duit-nya di-bank di-tempat lain.

Dato' Nik Ahmad Kamil: Untuk penerangan, Tuan Pengerusi, yang berebut² fasal duit, sudah ada-kah duit \$45 million ini, itu saya tanya dahulu (*Ketawa*).

Enche' Hanafiah bin Hussain: Tuan Pengerusi, ada-kah Kerajaan masa ini simpan wang dalam commercial bank di-Kuala Lumpur, di-mana Bank Negara pun ada sama.

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Wang yang sa-banyak \$45 juta ini maseh belum ada lagi (*Ketawa*) hanya ia maseh merupakan Development Estimates sahaja.

Enche' Hanafiah bin Hussain: Tuan Pengerusi, itu-kah jawapan-nya, soalan lain.

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tetapi saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang lain tadi (*Ketawa*). Ahli Yang Berhormat daripada Jerai ini dia nampak diri-nya sa-orang sahaja dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, jawapan yang di-berikan oleh Yang Berhormat wakil bagi Kementerian Kewangan tidak tepat kapada soalan yang telah di-tanyakan oleh wakil Jerai tadi ia-itu kata-nya oleh kerana Kerajaan Pusat mempunyai Bank Negara di-Kuala Lumpur maka sebab itu lebih patut lagi bagi Kerajaan Pusat menaruh wang-nya di-dalam Bank Negara tetapi soal yang di-bangkitkan oleh wakil Jerai tadi walau pun Kerajaan Pusat mempunyai Bank Negara di-Kuala Lumpur ini tetapi Kerajaan Pusat juga telah menaruh wang-nya di-commercial bank, apa-kah jawab-nya?

Mr Chairman: Itu akan di-timbang-kan (*Ketawa*).

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat daripada Raub kemudian meminta Contingencies Reserve ini di-gunakan untuk membuat klinik di-tempat-nya dengan ada 3,000 pengundi di-belakang-nya, kemudian pula Ahli Yang Berhormat dari Jerai hendak minta duit itu juga untuk membuat klinik dan kemudian Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga mahukan kawasan-nya di-dahulukan dengan menggunakan duit Contingencies Reserve. Saya rasa untuk membuat klinik, kita ada peruntokan² untuk melalui Kementerian Kesihatan dan jika peruntokan itu tidak ada kita chuba ikhtiarkan melalui Kementerian Kesihatan. Tetapi Contingencies Reserve ini ia-lah untuk kegunaan yang mengejut penggunaan dharurat, mithal-nya, kita tidak menjangka kedatangan sa-orang Perdana Menteri daripada luar—negara sahabat hendak datang melawat ka-mari pada hal kita belum ada peruntokan-nya di-sini . . .

Dato' Nik Ahmad Kamil: Ada-kah lawatan Perdana Menteri dari luar itu termasuk di-bawah Development Estimates?

Mr Chairman: Itu mithalan-nya (*Ketawa*).

Enche' Hanafiah bin Hussain: Kalau benda itu mithalan tentu-lah benda ini sudah berlaku, tidak betul itu jawapan mithalan-nya (*Ketawa*).

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, jadi sudah banyak dengar sampok-menyampok-nya, jadi kadang² saya pun tidak tahu yang mana hendak di-jawab. Wang Contingencies Reserve ini ada-lah di-pergunakan untuk pembangunan yang khas tetapi perbelanjaan saperti membuat klinik itu saya rasa lebih sesuai-lah atau lebih tepat-lah jika di-masokkan atau di-belanjakan melalui Kementerian Kesihatan, bagitu juga yang lain².

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan: Untuk penjelasan saya telah membuat permohonan kepada Kementerian, Kementerian tidak masukkan bagai-

mana mustahak-nya perkara itu dahulu daripada Raub sampai Kuantan daripada Kuantan sampai ka-Kementerian sampai ka-Parlimen pun tidak ada juga macham mana gaya-nya?

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Chairman. Sir, on the question of his wanting a special *bidan klinik* in his own constituency, it is up to the Honourable Member to prove that that there is an urgent need for it and he must satisfy his District Rural Development Executive Committee first and after that priority should be given . . .

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan: I have applied to the proper authority. I have got a copy there.

Dr Lim Swee Aun: If the Honourable Member has satisfied the District Rural Development Executive Committee, then the District Rural Development Executive Committee will have to satisfy the State Rural Development Committee about the priority. If he has satisfied that, then he can go on to the Honourable Minister, and if the Honourable Minister finds that he is also satisfied that it should be built, then it can come out from the Contingencies Fund.

Mr Chairman: Isn't it too much for an ordinary Member of Parliament? (*Laughter*).

Dr Lim Swee Aun: It is his duty as a Member of Parliament, Sir!

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan: Tuan Pengerusi, Timbalan Perdana Menteri telah berjalan dan menjelajah merata negeri *red tape* jangan di-gunakan lagi, ini *red tape* kalau Kerajaan Negeri tidak approve, ta' jadi, sekarang saya Wakil Ra'ayat di-kawasan Raub mengemukakan dalam Dewan ini, saya hendak satu klinik *bidan* dalam tahun 1966 untuk Gali Hilir.

Enche' Hanafiah bin Hussain: Saya hendak perbetulkan sedikit chakapan yang untuk kawasan tadi sudah 5 tahun minta tidak termasuk juga dalam Development Estimates, bukan clinic, health centre, 30,000 orang.

Tuan Haji Hussein bin Mohd. Nordin (Parit): Saya menyokong wakil daripada Raub. Sunggoh pun Menteri telah bangun mengatakan ada-kah perkara ini telah bawa kapada Jawatan-kuasa Luar Bandar Daerah, dan jawapan daripada wakil Raub perkara ini telah di-persetujui telah bawa kapada Jawatan-kuasa Negeri, tetapi ada-kah Menteri itu tahu tiap² negeri ranchangan² luar bandar di-utamakan kapada Member Ex. Co. sahaja kawasan Member Ex. Co. sahaja (*Tepok*).

Dr Lim Swee Aun: If the Honourable Member can prove that there is an urgent need to put a special clinic or a special health centre, then I think it can be included. That is why we allow flexibility. Hence this provision of a Contingencies Fund.

Enche' Hanafiah bin Hussain: I think it might help if the Honourable Minister would clarify or explain to us how that Contingencies Fund of the previous year had been used, so that we would know how it could be used in the future and how much of it was used.

Enche' Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr Chairman, Sir, I rise to speak on this item

Mr Chairman: No, you can't (*Laughter*).

Enche' Geh Chong Keat: I rise on a point of clarification on the explanation given by the Minister of Commerce and Industry. I too support the Honourable Member for Jerai and the Member for Parit about the request for the setting up of clinics and putting through the proposals through the District Committees and finally to the State Committees comprising of State Members.

Mr Chairman: You are speaking on the detail.

Enche' Geh Chong Keat: I am trying to support

Mr Chairman: You are not supposed to try anything—you just cannot do it! (*Laughter*).

Enche' Geh Chong Keat: I was trying to explain that the Honourable Minister was misinformed.

Question put, and agreed to.

The sum of \$40,000,000 for Head 150 agreed to stand part of the Development Estimates, 1966.

Question put, and *resolved*,

That this House resolves that a sum not exceeding \$879,884,370 be expended out of the Development Fund in respect of the financial year 1966, and that, to meet the purposes of the Heads and Sub-heads set out in the second column of the Statement, laid on the Table as Command Paper No. 32 of 1965, there be appropriated the sums specified opposite such Heads and Sub-heads in the 7th and 8th columns thereof.

House resumed.

Dr Lim Swee Aun: Mr Speaker, Sir, I beg to report that the Committee has considered the motion referred to it and has agreed to it. I accordingly move that the motion be agreed to.

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that a sum not exceeding \$879,884,370 be expended out of the Development Fund in respect of the Financial year 1966, and that, to meet the purposes of the Heads and Sub-heads set out in the second column of the Statement, laid on the Table as Command Paper No. 32 of 1965, there be appropriated the sums specified opposite such Heads and Sub-heads in the 7th and 8th columns thereof.

Mr Speaker: The sitting is suspended for fifteen minutes.

Sitting suspended at 6.20 p.m.

Sitting resumed at 6.35 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

NOTICE OF MOTIONS WITHDRAWN

Mr Speaker: Honourable Members, the Honourable Dr Tan Chee Khoon has withdrawn his notice of Motions on today's Order Paper, viz.:

- (a) "That this House views with grave concern the continuous arrest, harassment of members of the opposition parties

and the ill-treatment meted out to political detainees and calls on the Alliance Government to form an All Party Commission of Enquiry under the Chairmanship of the Speaker of the Dewan Ra'ayat to enquire into the conditions of detention of political detainees and report to this House".

- (b) "That this House views with grave concern the denial of fundamental liberties in this country and the growing intolerance of criticism on the part of the Alliance Government to stop this trend before this country becomes a police State".

MOTION

KOLEJ ISLAM DI-NAIKKAN TARAF-NYA JADI UNIVERSITI ISLAM

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta izin mengemukakan usul seperti mana yang telah di-edarkan atas nama saya yang berbunyi:

"Bahawa Majlis ini berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah mengishtiharkan Kolej Islam Malaya, Klang sa-bagai Universiti Islam Malaysia tahun 1966 dan memberi bantuan² khas untuk melaksanakan pengajian² di-Universiti tersebut."

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah akan hendak berchakap panjang dan saya ingat sa-panjang²-nya tidak-lah lebeh daripada dua jam. Maksud saya mengemukakan usul ini ia-lah supaya sa-buah Pusat Pengajian Tinggi Islam patut di-adakan di-negara Malaysia kita ini. Tujuan di-adakan Pusat Pengajian Tinggi atau pun Universiti Islam yang sa-macam ini ia-lah sa-mata² untuk meninggikan pelajaran yang kena mengena dengan Ketuhanan yang kita harap dapat menjadi kuasa daya yang utama bagi menjalankan dan menjayakan perprojek² pembangunan negara kita sama ada dari sudut² pembangunan kebendaan mahu pun daripada sudut² semangat dan keperwiraan. Satu perkara yang kita patut ingat di-dalam negara kita ini terdapat berbagai² kaum yang menganut berbagai² faham agama dan mengamalkan berbagai² adat istiadat. Faham agama, adat istiadat dan juga kebudayaan² yang berlainan² sudah tentu tidak dapat hendak mengumpulkan semua penduduk² dalam sa-buah negara supaya menjadi satu bangsa yang ber-

satu padu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Universiti Islam di-negeri kita ini, ini-lah tempat-nya yang akan menyatu-padukan apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang besar sa-kali ia-lah dengan ada-nya Universiti Islam Malaysia ini ra'ayat² dan penduduk² di-dalam negara kita ini sama ada yang beragama Islam atau pun yang bukan beragama Islam akan dapat peluang lebeh mengenal apa-kah yang di-katakan Islam, tidak-lah sa-kali² benar dengan ada terasa atau pun di-sangka bahawa dengan ada-nya Universiti Islam ini kita akan mempengaruhi orang yang bukan Islam supaya menganut Islam. Ini ada-lah sangkaan yang tidak berasas sama sa-kali. Paling baik sa-kali di-dalam dunia ia-lah tiap² penganut agama itu mengerti kehendak agama yang lain dan pengajaran agama yang lain bukan supaya ia mesti menganut agama yang lain itu tetapi supaya ia tidak salah faham dan tidak salah membuat ulasan dan tidak salah pengertian terhadap agama yang lain itu. Kalau-lah tiap² warga-negara dan penduduk di-dalam negara kita ini yang Islam-nya mengerti Islam dan dia pun tahu ajaran agama yang lain dan sa-orang Buddist mengerti agama Buddist dan mengerti pula agama Islam dan bagitu juga sa-orang Kristian mengerti Islam dan dia mengerti pula Kristian dan dia mengerti pula agama Islam maka tidak akan timbul salah sangka dan tidak akan timbul apa² ulasan yang tidak betul. Dengan demikian perpaduan dari segi agama akan bertambah sehat.

Tidak-lah benar kalau di-katakan bila pengajaran Islam itu tinggi, maka fahaman sentiment keugamaan akan bertambah tebal di-negara kita ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita yang sedang menuju kepada pembangunan seperti Malaysia sekarang ini, banyak-lah projek² baharu dan banyak-lah pula perkara² baharu yang dahulu-nya belum ada dan belum pernah di-jalankan di-dalam pembangunan negara kita, sekarang ini telah kita kemukakan dalam minggu

yang sudah. Banyak di-antara perkara² itu yang boleh jadi bagi orang² yang intellect, yang sudah terpelajar tinggi dan membaca buku yang banyak, mereka itu dapat memahami dengan mudah, tetapi bagi ra'ayat jelata sakalian, mereka terhadap dan terkongkong dengan adat² lama dan adat resam yang sudah berkurun². Maka dengan ada-nya sekolah yang tinggi sa-macam ini, segala halangan adat² itu akan terhapus.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah mempelajari sedikit sa-banyak berkenaan dengan fahaman² Islam di-tanah Malaya kita ini, dan saya dapati bahawa banyak-lah adat² lapok dan banyak-lah fahaman² singkat telah berlaku di-kalangan orang² ramai, dengan sebab itu maka susah-lah kita hendak kemukakan projek² baharu dan perkara² baharu di-dalam pembangunan negara kita ini. Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-orang itu melihat saya berkawan dengan sahabat saya daripada Port Dickson mithal-nya, maka akan berkata-lah orang bahawa Ahli daripada Bachok itu dari Parti Islam sa-Tanah Melayu, tetapi bagaimana dia boleh minum kopi bersama dengan orang yang daripada Port Dickson, pada hal dia itu ada-lah sa-orang Panjabi dan beragama Sikh, yang saya orang Melayu dan beragama Islam, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Universiti Islam yang bagini, maka kita akan dapati perkara² yang sa-macam ini tidak akan berlaku, kerana menurut ajaran Islam khusus bagi perkara yang saya mithalkan, ia-itu Islam mengetahui bahawa Nanak Guru itu juga mengerti Islam dan dia telah pernah pergi ka-Mekah dan dia telah meninggal dunia di-suatu perigi di-bawah pokok yang di-namakan Sah Hikmah Man Shahib dan di-sini-lah dia telah meninggal dunia. Jadi kepada kita, tiap² satu yang sa-macam ini, kita akan mengerti, maka tidak akan ada pergadohan di-antara satu ugama dengan satu ugama; dua orang akan menjadi sahabat—do no akbar rujaimi.

Jadi, yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dari sudut perbedzaan ugama, kita akan mendapat satu sumbar baharu, akan dapat satu daya

baharu, akan dapat satu emerging force dalam menyatu-padukan di-antara fahaman² yang ada di-dalam negara kita ini.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, akan menjauhkan kita daripada adat² yang kolot dan adat² kolot sa-mata², tetapi tidak pergi kepada isi² yang di-kehendaki oleh ajaran Islam sendiri.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mustahak-nya kita ada sa-buah Universiti Islam yang sa-macam ini ia-lah kerana saya dapati tidak ada aspect² kerohanian, sama ada di-dalam kita hendak menguntokkan perbelanjaan bagi tiap² tahun, mahu pun di-dalam peruntokan² untuk pembangunan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kita hendak menyatu-padukan satu² negara itu dengan sa-mata² mengemukakan development, atau pun pembangunan dari segi kebendaan sa-mata², maka mengikut ajaran Islam, projek yang sa-macam ini, atau pun langkah yang sa-macam ini, tidak akan dapat berjaya, kerana, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Kuran ada tersebut yang saya maseh ingat lagi: (dalam bahasa Arab): erti-nya, kalau-lah kamu chuba membelanjakan kesemua kekayaan di-dalam dunia ini, . . . (dalam bahasa Arab): kamu tidak akan berjaya hendak menyatukan hati² mereka itu. Hati dan jiwa tidak boleh di-beli dengan jalan raya, tidak boleh di-beli dengan rumah, tidak boleh di-beli dengan commercial bank, dan tidak boleh di-bayar dengan harta dan kekayaan, tetapi jiwa itu dan sanubari itu dapat di-beli dengan perasaan kaseh mesra dan dengan ajaran ugama yang menuju kepada Tuhan yang maha asa.

Tuan Yang di-Pertua, saya parchaya Ahli² yang ada di-dalam Dewan ini tidak ada pun sa-orang yang anti-Tuhan; tidak ada sa-orang kominis pun yang di-dalam Dewan ini—yang ada ia-lah orang² yang berfahaman ketuhanan. Jadi, atas nama ketuhanan, saya yakin, orang² yang ikhlas, tidak akan membangkang usul saya ini, kechualilah kalau mereka itu hendak menjadikan satu political stunt, ia-itu hendak menolak satu² perkara yang baik di-kemukakan oleh orang lain, atau pun sa-mata² oleh kerana Ahli dari Bachok

yang mereka itu benchi, maka mereka itu tolak.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya kata begitu, saya minta Ahli² Yang Berhormat di-dalam Rumah yang mulia ini bahawa satu² benda yang baik itu, patut kita menyokong, kerana salah satu daripada dasar dalam Islam untuk menegakkan kebenaran sa-bagaimana yang di-laong²kan oleh pehak Kerajaan sendiri, ia-itu menyokong benda yang baik—menyokong benda yang baik dan menolak benda yang tidak baik, dan menolong memberikan penjelasan kepada perkara² yang samar². Ini-lah yang di-katakan constructive criticism dan ini-lah yang selalu di-minta oleh Kerajaan kita daripada pehak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam di-ajar kita supaya menyokong benda² yang baik yang sa-macham ini sahingga kata-nya dalam satu hadith Nabi Muhammad S.A.W. ia-itu tradition bagi Nabi ugama Islam ini yang kata-nya: (dalam bahasa Arab) yang erti-nya, kebijaksanaan system itu ia-lah satu benda yang di-chari² oleh tiap² orang yang beriman—to deliver in God. Ia hendak-lah memetik kebijaksanaan itu, walau di-mana juga ia bertemu.

Lagi satu kata hukama,—(dalam bahasa Arab) yang erti-nya ambil-lah kebijaksanaan itu, walau pun daripada sa-ekor kaldai. Maka tuan² sekarang mendapat satu benda yang baik daripada sa-orang Ahli Yang Berhormat yang di-pileh oleh ra'ayat, maka kalau-lah tuan² tidak menerima-nya ini, saya rasa di-situ-lah ukoran tuan² sendiri

Enche' Hanafiah bin Hussain: Adakah di-sifatkan Yang Berhormat itu sa-bagai kaldai? (*Ketawa*).

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan bahawa begitu-lah kuat-nya Islam itu mengajar supaya orang men-chari kebijaksanaan. Jadi, sa-tinggi² tempat kita mengambil sa-hingga kabawah² tempat yang kita hendak ambil, dan kalau saya hendak jadi kaldai pun, tidak patut sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata di-sudut keruhanian, ia-lah kerana dalam pembangunan kita, atau pun peruntukan bagi pembangunan kita yang telah kita luluskan baharu² ini, tidak ada langsung aspect² keruhanian, sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ada Ahli² Yang Berhormat yang tidak silu² dan tidak rasa segan di-dalam Dewan yang mulia ini mengusulkan kepada Kerajaan supaya di-adakan lesen² pelachoran. Jadi, ini ia-lah kerana orang² ini tidak tahu berkenaan dengan sudut keruhanian dalam satu² negara, dan ada pula orang yang mengatakan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa patut kita mengadakan lesen² menghisap chandu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak dapat di-ubat oleh Kerajaan Perikatan melainkan menerusi sa-buah Universiti Islam yang sa-macham ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya maseh teringat lagi, ia-itu sa-orang Ahli daripada Sabak Bernam meminta Kerajaan supaya mengambil langkah terhadap judi² tikam ekor, dan ada juga sa-orang Ahli Yang Berhormat yang lain meminta Kerajaan supaya mengharamkan judi, ia-itu jangan memberi lesen, tetapi Menteri Kewangan bagi Kerajaan Perikatan mengatakan itu ada-lah satu sumber kekayaan, atau pun sumber revenue bagi negara kita.

Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan loteri lumba kuda dan begitu juga perkara² yang lain yang kalau di-lakukan oleh individual—orang sa-orang—maka perkara itu haram bagi Kerajaan. Dan Kerajaan akan menangkap dan bertindak terhadap orang itu. Tetapi kalau Kerajaan membuat sendiri menerusi undang² dan Kerajaan boleh legalise perkara² itu, jadi, hal ini, Tuan Yang di-Pertua, daripada back-benchers sampai kepada Menteri² pun menghalalkan sa-suatu yang mereka itu mengetahui benda itu merosakkan jiwa, merosakkan masyarakat dan merosakan negara. Ini kesemua-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kerana mereka itu tidak pernah mendapat suara² yang terang daripada pengajian² Islam yang tinggi. Jadi, Tuan Yang

di-Pertua, erti-nya dengan tidak ada universiti yang sa-macham ini, Kerajaan kita akan berpanjangan meletakkan hukum terhadap ra'ayat tetapi kalau dia nampak mendapat untong material maka dia akan legalisekan perkara itu. Jadi, tidak manusabah-lah dengan Kerajaan selalu melaong²kan bahawa kita hendak-lah menjaga morality, hendak menjaga ikhlak, hendak menjaga meruah, tidak ada Kerajaan yang paling bodoh di-dalam dunia ini yang mengagong²kan morality, tetapi Kerajaan itu sendiri mengadakan benda² yang berlawanan dengan morality. Ubat-nya tidak lain, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah dengan di-adakan sa-buah Universiti Islam yang sa-macham ini.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan ajaran² di-dalam negara Islam yang saya maksudkan ini ia-itu di-dalam ajaran² daripada Universiti yang akan kita adakan ini ia-lah ajaran² yang tersebut di-dalam subject² yang di-ajarkan kelak akan menambah lagi ra'ayat kita ini bersemangat dan bertugas di-dalam hidup-nya sa-hari² dan di-dalam hidup-nya sa-bagai sa-orang anggota di-dalam masyarakat. Mithalnya di-dalam pertanian, maka kalau macham sekarang ini kita dapati bahawa ugama Islam itu hanya membahayakan bagaimana hendak sembahyang, bagaimana hendak pergi ka-masjid, bagaimana hendak tengok bulan, tidak chukup ahli falak kita naik pula kapal terbang pergi tengok, jadi, kerja² kita yang sa-macham ini tengok bulan lalu—pergi ka-masjid, Puasa, tetapi pertanian, perdagangan, ekonomi, tentera, urusan² social tidak menjadi urusan² Islam. Sa-olah² Islam ini ada-lah satu ugama untuk mati sa-masa², tidak ugama untuk hidup.

Maka dengan mengadakan universiti yang sa-macham ini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan dapati satu silent revolution ia-itu satu pemberontakan yang sunyi, terator, bersehh, sopan untuk mengubah jiwa² dan faham² dan chara berfikir ra'ayat jelata. Saya berfaham, Tuan Yang di-Pertua, projek pembangunan negara kita ini tidak akan dapat di-laksanakan sa-lagi ra'ayat jelata tidak mengubah fikiran

itu, tidak mengubah fahaman mereka, tidak change the mind. Jadi, untok hendak mengubah fikiran ini ia-lah mengubah faham dan mengubah faham itu ia-lah menerangkan ajaran² ugama yang sa-benar dan ini tidak di-lakukan oleh Kerajaan kita.

Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak di-dalam ranchangan luar bandar yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan kita terpaksa di-adakan pula buku² ugama, pelajaran² ugama kerana Kerajaan sendiri dapat tahu bahawa ugama ini kalau silap di-faham atau di-faham sa-chara kolot akan menghalang pembangunan² luar bandar. Sebab itu pengajaran² yang tinggi yang sa-macham ini mustahak di-adakan. Dari segi ketenteraan, Tuan Yang di-Pertua, ugama Islam mengajar kita satu ketenteraan yang merupa defensive dan baharu² ini saya bacha dalam Stop Press pagi tadi ia-itu, kalau tidak silap saya, Kerajaan Amerika memerintah kapal terbang-nya menggugorkan obat² yang berchorak chemical supaya mematikan beneh² tumbuhan², pokok² di-tempat itu supaya ra'ayat di-situ boleh kalah.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, satu kekejaman yang besar yang di-dalam Islam di-larang; perang itu perang tetapi manusia yang hidup dalam kampong² yang tidak ada kenamengena dengan peperangan itu tidak patut di-buat begitu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu perkara yang besar yang kita tidak fikir dan kita tidak kena fikir melainkan dengan ada-nya universiti yang sa-macham ini. Boleh jadi Ahli² Yang Berhormat menyangka bahawa apabila kita membuat universiti yang sa-macham ini akan banyak-lah orang² yang membawa buat tasbeh, yang membawa jubbah, yang berwirid di-masjid², tidak di-maksud yang sa-macham ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ini-lah yang di-buatkan sekolah yang ada pun patut kita runtohkan tetapi yang saya mahu sa-buah Universiti yang progressive, yang betul² mengajar ugama untok hidup bukan ugama untok mati. Dan ini amat penting dan tidak dapat kita jalankan menerusi sa-buah universiti Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu kita tahu bahawa dunia sekarang ini terbahagi kepada dua bloc. Satu bloc timor dan satu bloc barat. Bloc barat mengaku bahawa mereka menjalankan faham demokrasi dan faham demokrasi ini-lah yang baik untuk manusia sa-luruh-nya, yang chontoh²-nya kita nampak daripada bom di-Vietnam dan berbagai², itu kebaikan yang di-bawa oleh demokrasi barat dan juga kita dapati satu bloc lagi ia-itu bloc di-sa-belah timor yang di-ketuai oleh Russia ia-itu bloc kominis yang kita nampak kebaikan mereka itu ia-lah terrorism yang kita telah menanggung di-Tanah Melayu ini kira² 10 tahun lebih keganasan mereka itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, buah tangan dan kebaikan daripada bloc barat telah kita saksikan dan bagitu juga buah tangan kebaikan daripada bloc Timor telah kita saksikan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, mahu tidak mahu, terpaksa kena ada bloc yang ketiga. Kalau ada bloc yang ketiga maka, Tuan Yang di-Pertua, akan bertambah rumit lagi dunia ini tetapi dengan adanya ajaran Islam dalam negara kita ini maka faham berbloc² yang sa-macham itu tidak berbangkit tetapi faham persaudaraan antara manusia itu-lah yang akan berbangkit dan itu-lah yang akan di-ertikan oleh penduduk² di-negara kita.

Walau bagaimana pun, kita telah banyak tersekat² perhubungan kita dengan luar negeri oleh kerana kita takut hendak bersahabat atau hendak mengadakan perhubungan² diplomatik dengan negeri² yang berchorak kominis, sebab pertama kita takut faham communism itu masok ka-dalam Tanah Melayu kita dan kita takut pula orang² kita ini tertarek pergi kepada communism.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa faham communism ini hanya akan dapat menawan orang . . .

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, koram tidak chukup.

(Division Bell rung; House counted; 26 Members present)

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Universiti Islam yang sa-macham ini dapat-lah kita menerbitkan satu generation atau pun satu jenarasi yang berfaham ugama dan berfaham ketuhanan. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, pada zaman ini kebanyakan keganasan² yang berlaku ia-lah disebabkan oleh fahaman tidak bertuhan atau pun atheism. Faham tidak bertuhan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat kita melawan dengan senjata kerana dia pun mempunyai senjata, tambah² pula negeri² yang tidak faham bertuhan itu nampak-nya pada masa ini makin sa-hari sa-makin besar dan sa-makin kuat. Jadi tidak ada jalan lain, Tuan Yang di-Pertua, melainkan dengan jalan pengajaran ugama dan kerohanian. Jikalau kita juga hendak melawan dengan senjata dan tiap² negeri itu mempertahankan diri-nya dengan senjata, maka negara semua di-dalam dunia ini akan menjadi medan perang belaka dan perang itu tidak mengenal peri kemanusiaan sebab itu-lah perlu-nya di-adakan sa-buah sekolah tinggi atau pun universiti Islam di-Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang patut kita faham, kalau belum faham, kalau sudah faham patut-lah kita mengulang balek ia-itu ada perbedzaan-nya di-antara Islamic Studies dengan pelajaran² yang akan di-ajar di-dalam Universiti yang saya kehendakkan ini ia-itu kita namakan Islamic Theology. Islamic Studies yang ada di-Universiti Malaya sekarang yang kebetulan pada tahun ini saya juga telah berpeluang menjadi sa-orang anggota di-dalam Council-nya ini adalah sa-mata² Islamic Studies ia-itu kita hendak mengerti sedikit sa-banyak berkenaan dengan gambaran Islam, kita hendak mengerti sa-mata² sa-bagai panoramic picture sahaja tetapi kita tidak mengerti betul² untuk mengamalkan, kita belum ada satu faculty yang merupakan Islamic Jurisprudence, tidak ada perundangan di-dalam Islam. Yang ada kita kajikan ibadat-nya, sufi²-nya, falsafah yang kena mengena dengan falsafah Socrate.

Jadi asas² Islam itu tidak kuat sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok degree B.A. honours Islamic Study saya rasa orang itu tidak dapat memegang betul² jawatan yang sepadan dengan degree itu.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita sebut sa-buah Universiti yang progressive saya maksudkan sa-kurang²-nya mesti-lah ada tiga faculty di-dalam itu, sa-kurang²-nya ada faculty Undang² yang di-namakan faculty of Islamic Law atau pun Islamic Jurisprudence, yang kedua kita mesti-lah mengadakan faculty bahasa ia-itu bahasa Arab kerana bahasa Arab itu menjadi bahasa Qur'an—sumber yang kita hendak faham ajaran Islam. Dan yang ketiga hendak-lah kita adakan satu faculty sociology yang mengajar ra'ayat kita bagaimana hendak membentok sa-buah masyarakat, jika tidak, Tuan Yang di-Pertua, kalau pengajian² yang sa-macam ini tidak di-beri kapada ra'ayat jelata maka erti ugama Islam ugama rasmi di-dalam negara kita ini tidak akan berma'ana lang-song. Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, sa-lama itu-lah timbul-nya salah faham terhadap Islam dan sa-lama itu-lah timbul-nya berlainan² pendapat sahingga, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam negara kita sekarang ini terdapat empat Mazhab, yang Mazhab Hanafi-nya tidak bersetuju dengan Mazhab Shafii, yang Mazhab Shafii-nya tidak bersetuju dengan Mazhab Hanbali ia-itu orang² yang memang ugama. Tiba² kalau ada satu² muslihat bagi Kerajaan dia menggunakan—dia apply ajaran yang bukan ugama rasmi itu untuk maksud kewangan. Mithal-nya, sa-buah negeri memakai Mazhab Shafii, dalam Mazhab Shafii membayar fitrah dengan beras tidak dengan wang, tetapi saya dapat tahu ada pejabat ugama yang menggunakan ajaran Mazhab Hanafi, jadi sa-mata² untuk mendapat wang. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-makin lama kita tidak memberi satu comprehensive, satu pengajaran yang luas, saya tidak perchaya perkataan ugama Islam ugama rasmi dalam Perlembagaan kita itu akan memberi apa² faedah sa-lain daripada apa yang kita adakan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu perkara yang amat mustahak bahawa di-dalam pengajaran Universiti yang sa-macam ini ajaran² ekonomi, ajaran² sosial di-ajarkan kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu bahawa di-dunia sekarang ini sudah teraba² sama ada dunia ini hendak mengikut kapal yang berchorak socialist atau koministik atau pun maseh hendak hidup dengan chorak feudal dan chorak capitalism. Pada hal, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu bahawa ada ajaran² yang boleh mengubati manusia dalam perkara ini. Tetapi kita tidak mahu menerima. Jadi ini-lah gambaran² mukaddimah yang saya berikan kapada Dewan ini dan sekarang saya hendak masuk dalam perkara² yang detail.

Tuan Yang di-Pertua, mustahak-nya kita ada sa-buah universiti yang sa-macam ini sa-kurang²-nya kita dapat menambahkan lagi guru² yang akan menjalankan Islamic Study lebeh ramai lagi. Kita tidak dapat hanya bergantung kapada Kolej Islam Klang sa-mata². Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita kekurangan guru² dalam bahagian ugama Islam dan terkadang² itu kita terpaksa mengambil guru² yang tidak pernah mengaji dan tidak pernah lulus sekolah menengah, tetapi mereka itu mengajar di-sekolah² menengah. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, amat-lah memalukan. Amat-lah tidak patut bagi sa-buah negara kita berbuat demikian pada hal kita boleh membuat demikian.

Sa-lain daripada itu Kolej Islam kita di-Klang meski pun pehak Kerajaan berkata bahawa sekolah ini akan di-majukan dan akan di-jadikan satu pusat pengajian tinggi, tetapi saya tahu Tuan Yang di-Pertua, taraf Kolej Islam ini tidak akan di-tinggikan melainkan sa-kadar Day Training College sahaja. Pada hal niat yang asal ia-lah kita hendak menjadikan Universiti Islam bukan hendak menjadi Day Training College. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan memberi wang membuat rumah, membuat bermacam² kemudahan bagi Kolej Islam, tetapi segala usaha ini akan terta'alok kapada undang² education kalau saya tidak salah No. 25 (1)

pada tahun 1961 atau 1960. Undang² Education ini tidak membenarkan di-ujudkan sa-barang Universiti melainkan taraf college sahaja. Kolej itu pun bukan Universiti College, tetapi ia-lah sa-mata² Day Training College. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini akan meng-abui mata ra'ayat jelata. Maka akan berkeriau, melaong²-lah sa-tengah² orang pehak Kerajaan bahawa Kolej Islam ini ia-lah Universiti kita, sekolah Islam yang tertinggi sa-hingga sa-orang daripada ahli kita ia-itu Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar yang menjadi member di-dalam Council Universiti Malaya dan di-lantek pula menjadi member di-dalam Senate. Dia sendiri di-dalam Dewan ini telah mengatakan Kolej Islam itu ia-lah sama taraf dengan universiti kolej. Dia sendiri berchakap. Jadi kalau sa-orang ahli dalam Council Universiti dan pula menjadi ahli di-dalam Senate Universiti, dia sendiri tidak tahu kedudukan yang sa-benar-nya, sudah tentulah ahli² yang lain dan orang² di-luar tidak tahu langsung. Ini amat-lah besar, Tuan Yang di-Pertua, akibat-nya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kapada mustahak-nya supaya satu jenerasi yang akan datang ini dapat menolak fahaman yang kolot dan dapat memberi pengertian lebeh terang lagi kapada semua warga negara dalam negara kita ini dan dengan ajaran² itu mereka dapat menolak perkara² yang berlawanan dengan morality, maka di-masa itu-lah kita berharap negara kita ini akan dapat maju kedua² belah ia-itu dari esfek pembangunan kebendaan-nya dan pembangunan kerohanian.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah yang berdasarkan kerohanian yang samacham ini amat-lah penting kerana sudah pernah saya katakan dalam Dewan ini, bahawa satu² umat itu akan tersukat dengan budi bahasa-nya dengan akhlak-nya. Dan akhlak dan budi bahasa itu tidak di-ajar di-sekolah² lain melainkan di-sekolah² yang berdasarkan ketuhanan. Sa-hingga ada satu shaer berkata (bahasa Arab). Umat² manusia itu tersukat dengan akhlak mereka itu kalau akhlak mereka itu berjalan, maka lenyap-lah mereka

itu. Maka sekarang, Tuan Yang di-Pertua, segala kita nampak kerja² vice atau pun kerja rosak akhlak. Kita nampak rumah² urut, kita nampak lesen² judi, kita nampak loteri², kita nampak rayuan² supaya pelachor itu di-halalkan. Kesemua-nya itu, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah perkara² yang berlawanan dengan morality yang tidak patut di-sebutkan dalam Dewan ini, tetapi oleh kerana tidak ada sa-buah Universiti sa-macham ini, maka kita selalu terbawa² sa-hingga Kerajaan sendiri pun akan mengamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, memandang dari segi ini dan dalam segi kita hendak mengadakan satu senjata rohani melawan communism, melawan fahaman yang tidak bertuhan, maka sudah mustahak-lah kita mengadakan sa-buah Universiti yang sa-macham ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berchakap panjang dan saya mohon bahawa motion saya yang berbunyi "Bahawa majlis ini berpendapat bahawa Kerajaan hendak-lah mengish-tiharkan Kolej Islam Malaya, Klang sa-bagai Universiti Islam Malaysia tahun 1966 dan memberi bantuan² khas untuk melaksanakan pengajian² di-Universiti tersebut". Demikian saya kemukakan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong usul yang ada di-hadapan kita dan saya akan berchakap sedikit sahaja di-atas usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah menjadikan ugama Islam kita ugama rasmi. Alhamdulillah. Satu perkara yang sangat baik. Oleh yang demikian sangat-lah kena pada tempat-nya dan mustahak bagi pehak Kerajaan menjalankan satu tugas untuk meningkatkan pengetahuan ugama Islam di-dalam negeri ini dan di-perkembangkan fahaman dan kemuliaan dan keelokan dan kechantean ugama Islam ini kapada seluruh ra'ayat jelata. Kerana dengan berkembang-nya ajaran² ugama Islam ini kapada sakalian pelusok di-dalam tanah ayer kita, dapat-lah ra'ayat jelata memahami dan mengetahui keindahan ugama Islam ini. Maka baru-lah di-sana timbul satu negara yang ra'ayat-nya berpegang

kuat kepada ketuhanan dan mempunyai moral yang tinggi. Maka apabila jadi-lah negara kita itu sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, maka negeri ini menjadi negara yang bahagia di-dunia ini dan di-akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, ajaran agama Islam di-dalam negara kita ini walau pun telah lama berjalan, walau pun kita mempunyai sekolah² menengah agama sa-lain daripada sekolah menengah ra'ayat, ada pula kita mempunyai Kolej Islam di-Klang sana, tetapi sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat penchadang tadi, bahawa maseh banyak lagi perkara² yang bersangkutan paut dalam agama Islam kita yang belum lagi di-fahaman dan di-kenal oleh ra'ayat jelata. Jadi tidak lain, melainkan dengan di-adakan satu Universiti Islam yang di-dalam-nya akan di-hambor, akan di-ajar keindahan² agama Islam daripada awal hingga sampai akhir-nya. Maka dengan yang demikian sahaja-lah baru-lah dapat ra'ayat jelata di-dalam negeri ini memahami betul² keindahan, kechanteakan dan kebaikan agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perjalanan yang ada sekarang ini yang boleh di-katakan kekurangan di-dalam tentang segi moral dan kerana kekurangan fahaman dan tentang keindahan agama Islam, maka perkara² yang akan merontokkan social atau masharakat negara kita sedang berjalan dengan kenchang-nya sama ada dalam segi pelachoran, perjudian dan lain² lagi. Maka oleh yang demikian ada-lah satu ubat yang mujarab betul² yang dapat mengatasi dan memperbaiki kedudukan ra'ayat jelata untuk betul² berpegang dengan Tuhan dan untuk memahami keindahan, kechanteakan agama Islam ia-lah dengan di-adakan satu Universiti kelak.

Universiti Islam ini bukan sahaja akan dapat memperkenalkan keindahan dan kechanteakan agama Islam kepada sakalian ra'ayat jelata bahkan dapat menjalankan kewajipan² yang lain² lagi yang sangat² mustahak bagi negeri kita. Kita ia-lah satu negara yang merdeka yang telah mengaku dan telah menjadikan agama Islam sa-bagai agama rasmi yang sekarang ini sangat²

berhajat kepada guru² sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat penchadang tadi untuk menjalankan tugas² mereka yang telah pun di-ator oleh pehak Kerajaan sendiri. Tetapi oleh sebab kekurangan guru² ini, maka terpaksa-lah pelajar² kita pergi ka-Mesir, di-sana belajar di-Mesir beratus² murid² atau pelajar² daripada negeri kita ini sedang belajar di-sana. Pula beratus² pula pelajar² kita yang sekarang ini sedang belajar di-bangku sekolah² di-Mekah dan di-Madinah di-sana. Sa-kira-nya kita adakan Universiti Islam ini maka dapatlah penuntut² itu mengaji di-dalam Universiti Islam kita yang di-chadangkan oleh penchadang Yang Berhormat tadi. Kita tahu negara kita lebeh² lagi orang² Islam kita dalam negeri ini ia-lah terkandung daripada gulungan orang² yang miskin yang sangat² susah hendak melanjutkan pelajaran agama mereka itu ka-Mesir dan ka-Mekah kerana ada-lah perbelanjaan di-sana sangat tinggi dan boleh di-katakan sangelintir sahaja daripada penduduk orang² Melayu kita yang dapat menghantarkan anak² mereka itu belajar, memanjangkan pelajaran mereka itu di-Mesir dan di-Mekah di-sana. Sa-kira-nya Kerajaan mengadakan Universiti Islam di-Klang di-sana maka sudah yakin bahawa bukan sahaja beratus² yang dapat melanjutkan pelajaran mereka itu di-dalam agama Islam di-Universiti Klang ini bahkan kita harap bilangan mereka itu akan meningkat ribu dan ini sangat-lah untong dan baik-nya bagi negara kita. Pula sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh penchadang tadi bahawa agama Islam ia-lah satu

The Minister of Lands and Mines (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub):

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu kata berulang² apa yang telah di-katakan oleh pehak penchadang ini. Kita ini akan bersurai pada pukul 8 khabar-nya, dan saya akan mengambil masa 20 minit, 25 minit akan menjawab dan Ahli² Berhormat yang lain lagi patut-lah diberi peluang juga untuk memberi fikiran.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:
Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana

tidak kekurangan pengertian umat kita di-atas keindahan ugama Islam di-atas ugama Islam yang mulia ini, maka timbul-lah fahaman² yang akan merosakkan keindahan ugama Islam di-dalam negeri kita ini. Sa-bagaimana yang kita telah dengar dalam Rumah ini ada daripada pehak² orang yang telah memegang, yang telah menganut ugama Islam pun menchadangkan supaya di-lesenkan pelachor dan sa-bagai-nya. Ini ia-lah timbul daripada kekurangan fahaman mereka di-atas ugama Islam.

Mr Speaker: Itu-lah yang di-tegor oleh Menteri Yang Berhormat tadi. Bila sudah di-sebut-nya fasal pelachor jangan-lah di-sebut lagi, tempoh perkara baharu pula, jangan yang itu juga.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi kita ada membacha dalam surat khabar, bahawa kerana tidak berapa hari lagi perayaan Christmas akan tiba, maka pehak Christian pun mengambil sempena untuk mengembangkan fahaman ugama mereka itu dengan berbagai² dan bermacam² jalan. Kita bacha dalam surat khabar bahawa sa-orang daripada ahli Penerbangan Australia telah turun dengan kapal terbang helicopter menjadi diri-nya Santa Claus untuk membawa hadiah² supaya di-taborkan kepada anak² orang Islam dan lain² lagi. Maka ini satu di'ayah yang paling besar yang akan memesonkan ra'ayat jelata yang menganut ugama Islam daripada fahaman ugama Islam kepada fahaman Christian itu. Tetapi apa-kah pehak Kerajaan telah menjalankan untuk membelakan nasib orang² Islam untuk memberikan fahaman yang tinggi kepada mereka itu supaya mereka itu mengetahui betul bahawa ugama Islam ia-lah ugama yang mulia—tidak ada.

Maka ini ia-lah jalan—satu jalan ia-itu sa-kira-nya di-adakan Universiti Islam ini dapat-lah di-atasi sakalian propaganda² dan di'ayah² yang dijalankan oleh pehak² orang² Christian dalam tanah ayer kita ini. Mereka itu sekarang ini telah dapat peluang yang paling besar, peluang pertolongan kewangan, pertolongan kebendaan dan segala² daripada luar negeri dan Kera-

jaan sendiri pun telah memberi pertolongan yang besar kepada mereka itu untuk mereka itu mendirikan sekolah² mereka itu. Di-beri tanah, di-beri wang lagi dan segala² pertolongan telah di-berikan kepada pertubohan² atau pun Christian Missionary di-dalam negeri ini. Maka ini-lah timbulnya chadangan supaya di-adakan satu Universiti Islam supaya dengan adanya Universiti Islam ini dapat-lah Kerajaan mengembangkan lagi fahaman ugama Islam dan dengan demikian dapat-lah di-atasi sakalian di-'ayah², propaganda² yang telah dan sedang di-jalankan oleh Christian Missionary di-dalam negeri kita ini.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Tuan Yang di-Pertua, usul ini lapok—saperti usul yang berlapok kita kubor dia hidup². Sa-bagai yang termaktub di-dalam Perlembagaan kita, Tuan Yang di-Pertua, ugama Islam ada-lah ugama rasmi negeri ini dan Perlembagaan Malaysia itu ada-lah chiptaan UMNO, chiptaan Parti Perikatan. Maka pehak Kerajaan kita, Kerajaan Pusat, Kerajaan Perikatan, sentiasa menjalankan segala usaha hendak mengembangkan ugama Islam supaya ia-nya benar² mendapat tempat yang sa-tinggi²-nya di-sisi masyarakat kita dalam Malaysia ini dan juga mendapat pen'itirafan serta kedaulatan saperti yang di-chita²kan ketika kita menggubalkan Perlembagaan kita ini dahulu. Kita bukan berchakap sahaja tetapi mengambil tindakan dan menjalankan usaha. Dengan itu maka Kerajaan kita sentiasa mengakui akan mustahak-nya ada satu Pusat Pengajian Tinggi Islam yang bertaraf Universiti, sa-belum usul ini di-kemukakan kepada Dewan ini. Kita telah sedar kepentingan ini tetapi sa-belum kita dapat mengadakan Pusat demikian, maka mustahak-lah kita mengemaskan susunan sekolah yang menjadi asas kepada-nya. Sa-bagaimana biasa, Kerajaan Perikatan menjalankan tugas² pentadbiran negeri ini dengan sa-chara yang teratur dan tersusun, (*Tepok*). Bagitu juga dalam lapangan ugama ini.

Berhubung dengan Kolej Islam ini maka pehak Kerajaan kita memang berhajat sangat² hendak menjadikan Kolej tersebut antara lain, sa-sabua-

Pusat Pengajian Tinggi dan bagi maksud ini Kementerian Pelajaran sedang menimbangkan bersama² dengan pehak Kolej mengenai penyusunan samula pentadbiran—sukatan pelajaran—nya dan lain² lagi.

Di-samping itu pula Kementerian Pelajaran sedang berusaha bersama² dengan Kerajaan² Negeri untuk menyusun sekolah² ugama di-seluruh negara kita seperti yang kita dengar di-dalam akhbar² beberapa bulan ini. Apabila segala²-nya sudah selesai dan kemas, maka hasrat mengadakan Pusat Pengajian Tertinggi Islam akan dapat di laksanakan dengan lichen dan memuaskn hati kita dengan sa-chara meninggikan taraf Kolej Islam ka-perengkat tersebut dan jika perlu menubuhkan yayasan² lain yang saperti-nya. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri telah pernah membuat ucapan berhubung dengan masaalah ini tidak beberapa lama dahulu. Hasrat Kerajaan kita tidak berubah hatta sa-makin sa-hari samakin pesat di-jalankan untuk menuju matalamat itu.

Sa-bagai ma'lumat Dewan ini, pehak Kerajaan kita telah pun menjalankan berbagai² ranchangan untuk menuju ka-arrah itu dan pada 5 haribulan Ogos, Jema'ah Menteri telah pun ber-setuju dengan pehak Kolej tersebut untuk menjalankan usaha yang tertentu dan terator bagi memenohi chita² kebangsaan ini, ia-itu berbulan² lamanya sa-belum usul ini di-kemukakan di-dalam Dewan ini. Mengikut keputusan itu maka Kolej ini akan di-letakkan di-bawah Bab 25, perenggan 1, perenggan kechil (f) Undang² Pelajaran tahun 1961 yang mengutamakan pelajaran ugama Islam. Dengan itu juga Kerajaan kita telah menguntokkan wang sabanyak \$2½ juta bagi membena bangunan yang munasabah bagi Kolej itu di-Petaling Jaya.

Saya perchaya kedua² Ahli Yang Berhormat itu telah pernah pergi dan melihat bangunan yang akan kita buat itu di-Petaling Jaya. Bangunan ini di-jangka siap pada awal bulan Februari tahun 1966 dan boleh-lah di-gunakan pada awal penggal pertama tahun hadapan. Bagi menyempurnakan tujuan

ini, Tuan Yang di-Pertua, maka Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menubuhkan dua Jawatan-kuasa bersekutu antara Kementerian Pelajaran dan Kolej Islam dengan tujuan saperti yang akan saya huraikan ini.

Yang Pertama, menimbang dan memberi shor kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Majlis Kolej Islam di-atas perlembagaan dan pentadbiran Kolej ini yang sasuai dengan pendirian-nya sa-bagai sa-buah yayasan pelajaran tertinggi di-bawah Bab 25, perenggan 1, dan prenggan kechil (f), Undang² Pelajaran tahun 1961 yang mengutamakan pengajaran ugama Islam di-dalam Malaysia ini.

Kedua, mengkaji susunan pelajaran dan menyusun sa-mula sukatan pelajaran yang sasuai dengan tujuan Kolej itu di-jadikan, antara lain, Pusat Pengajaran Islam yang Tertinggi di-dalam Malaysia ini. Jawatan-kuasa bersekutu ini telah juga di-beri tugas untuk bekerjasama dengan Jawatan-kuasa yang menyusun sukatan² pelajaran bagi sekolah² ugama Islam atas dan rendah untuk membolehkan murid² yang telah menamatkan pelajaran-nya di-sekolah² ugama Menengah supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran ugama tertinggi mereka di-Kolej Islam. Dengan kerajasama yang demikian murid² yang melanjutkan pelajaran-nya kapusat pengajaran yang tertinggi di-Kolej Islam itu ada-lah terjamin sama taraf pengajian-nya. Apabila Kolej Islam ini di-letakkan di-bawah Bab 25 yang tersebut tadi, maka Kolej ini akan mendapat bantuan wang dari-pada Kerajaan Pusat.

Saperti ahli² sakalian sedia ma'alum berbagai² perkara perlu di-jalankan dengan baik dan lichen-nya, tidak sa-chara gopoh-gapah. Yang sa-benar-nya persetujuan dari pehak Majlis Kolej Islam meletakkan Kolej ini di-bawah Bab 25 tersebut tadi hanya baru sahaja di-dapati.

Maka dua Jawatan-kuasa bersekutu itu belum-lah lagi dapat membuat laporan-nya. Ada-lah di-harapkan laporan Jawatan-kuasa ini akan di-kemukakan di-dalam masa dua bulan yang akan datang. Apabila laporan ini di-terima, Yang Berhormat Menteri

Pelajaran akan menyegera menimbangkan perkara² yang di-kemukakan di-dalam laporan ini dan akan melaksanakan dengan sa-berapa segera-nya langkah² untuk menjadikan Kolej Islam itu Pusat Pengajaran Islam yang Tertinggi di-dalam Malaysia ini yang di-harap akan dapat di-chapai dengan sa-chepat mungkin-nya. Dengan keterangan² yang di-berikan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka nyata-lah bahawa Kerajaan mempunyai satu rancangan yang konkrit dan tegas untuk menjadikan Kolej Islam sa-bagai Pusat Pengajian Islam yang Tertinggi. Dengan hal demikian maka usul yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat wakil daripada Bachok itu memang-lah lapok dan tidak-lah boleh kita terima lagi dalam Dewan ini. Jikalau usul itu di-terima, Tuan Yang di-Pertua, maka berartilah—berupa-lah mengulang apa yang di-usahkan oleh Kerajaan. Sa-balek-nya usul ini patut berbunyi: bahawa Dewan ini menerima kaseh dan menjunjung tinggi atas usaha² Kerajaan Pusat yang akan menubuhkan dan berusaha menubuhkan Kolej Islam ini menjadi Pusat Pengajaran Islam yang tertinggi di-dalam Malaysia ini. Bukan minta Kerajaan Pusat hendak membuat satu perkara yang telah pun di-selenggarakan oleh Kerajaan Pusat. Sebab itu-lah saya katakan tadi biasanya mereka ini selalu di-tinggal di-belakang, terkadang² 10 tahun di-belakang.

Banyak perkara² lain yang telah di-timbulkan oleh kedua² Ahli Yang Berhormat itu mengenai ugama Islam. Sa-benar-nya apa yang telah di-katakan oleh kedua² Ahli Yang Berhormat itu tidak kena mengena dengan tepat-nya dengan usul ini. Kita bukan hendak mendengar di-dalam Dewan ini sharahan² mengenai hukum—hukum² ugama Islam, tetapi apa yang patut telah di-bincangkan telah di-hu'ahkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah bahawa Dewan ini berpendapat Kolej Islam itu patut di-ishtiharkan sa-bagai sa-buah Universiti. Jadi apabila kita kajikan usul ini dan apabila tuan² sakalian timbangkan penerangan² yang saya telah berikan tadi, maka tidak boleh tidak kita katakan kepada kedua² Ahli Yang Berhormat itu mereka

telah banyak membuang masa mereka. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepok*).

Tuan Haji Oihman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini yang telah mendengar ucapan daripada penchadang ia-itu Yang Berhormat Ahli dari Bachok sharahan yang panjang lebar dan saya mengambil kesimpulan daripada ucapan-nya itu bahawa usul yang di-kemukakan-nya ini tidak ikhlas, tidak jujur, dia berbau politik dan dia merupakan sa-bagai satu alat untuk hendak mengabui mata orang ramai yang nanti kata-nya bahawa Kerajaan Perikatan ini menolak usul-nya ini. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dengar alasan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak sama sa-kali menepati tujuan pokok daripada usul-nya ini, erti-nya usul ini menyatakan bahawa Kerajaan hendak-lah mengishtiharkan Kolej Islam Malaya di-Klang itu sa-bagai Universiti Islam Malaysia pada tahun 1966.

Dia tidak menyebutkan bagaimana penting-nya atau tidak College Islam itu di-tinggikan taraf-nya kepada peringkat universiti, dan dia tidak menyebutkan bagaimana perjalanan, adakah dia puas hati dengan perjalanan College Islam yang sedang berjalan sekarang dan di-dalam peringkat perbaikan sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berchakup sa-bentar tadi. Dia tidak menumpukan sama sa-kali kepada penting-nya atau tidak, taraf College Islam ini di-jadikan universiti. Apa yang di-tekanakan di-sini, ia-itu keruntuhan akhlak. Keruntuhan akhlak bagaimana orang Christian mengambil hari Natal ini sa-bagai mengishtiharkan, atau pun mengambil kesempatan untuk menarek orang ka-dalam ugama Christian, dan apa yang di-sebutkan itu, ia-itu menyebutkan tentang penghalalan Dewan ini kata-nya tentang beberapa hukum Islam yang haram, yang menurut fahaman saya tidak sama sa-kali bersangkutan dengan tujuan asal hendak meninggikan taraf College Islam itu kepada taraf universiti. Jadi, nampak tidak ikhlas-nya dan di-dalam Dewan ini sendiri nampak bagaimana dia ini chuba

hendak membohong kita, kalau di-luar Dewan ini lebeh banyak bohong lagi sa-hingga nanti dia akan berkata di-luar Dewan ini hanya orang yang memangkah Bulan Bintang sahaja yang Islam dan di-luar daripada itu tidak Islam. Begitu chara tidak ikhlas-nya, dan oleh kerana tidak ikhlas itu, kita terpaksa menolak, bukan menolak bahawa Islam itu hendak di-perkembangkan, bukan menolak bahawa hendak memperbetulkan, hendak meninggikan taraf College Islam itu daripada satu masa ka-satu masa sampai kapada peringkat yang di-hajatkan, bukan kita menolak bahawa Islam itu hendak kita jadikan sabagai satu amalan hidup bagai umat Islam di-negeri ini dan kita tidak menolak bahawa umat Islam dalam negeri ini patut di-beri pelajaran² yang tinggi, tetapi apa yang kita menolak-nya, ia itu kempen niat jahat yang ada di-dalam hati orang² yang mengemukakan usul ini yang telah di-muntahkan dalam Dewan ini sa-bentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah hendak meninggikan College Islam, mengishtiharkan College Islam menjadi universiti sekarang ini, satu masaalah yang ada di-hadapan kita. Masaalah keruntohan akhlak ada-lah masaalah yang lain. Keruntohan akhlak, itu boleh di-beri sharahan² sahaja.

Di-dalam Tanah Melayu kita ini banyak pertubohan² Islam yang tidak politik, yang hanya berjuang kerana memperkembangkan ajaran Islam, macham Badan Kebajikan Islam, Seruan Islam sa-Malaya dan yang lain² badan Islam yang patut kita beri ucapan tahniah kapada mereka, sakali pun mereka itu tidak mendapat bantuan yang lumayan dari pehak mana pun juga, tetapi mereka telah dapat bekerja untuk menarek orang kapada fahaman Islam, kapada pengertian Islam. Ada pun soal pelajaran Islam dia bermula daripada bawah.

Pada satu masa dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mendengar betapa sebok-nya College Islam dan penuntut² keluaran dari College Islam meminta supaya sijil, atau kelulusan mereka daripada college itu, di-iktirafkan sa-

hingga memakan masa yang lama pengiktirafan itu sampai. Apa sebab-nya? Kita harus mengkaji sebab kenapa kita lambat, atau pun kenapa kita menanggohkan pengiktirafan, sebab murid yang masok ka-College Islam itu terdiri daripada Sekolah² Ra'ayat yang berbagai² bentok, berbagai² chorak-nya dan tidak sama di-dalam soal pendidekan. Ada yang mengutamakan tasauf, ada yang mengutamakan fikah, ada yang mengutamakan ahli sunnah wal jama'ah, ada yang membuat academy Islam dan bermacam² lagi, ada yang memfatuakan biawak itu halal, ada yang memfatuakan ular itu halal dan bertentangan dengan yang lain; ada daripada sekolah² yang saperti ini dia datang ka-College Islam.

Di-dalam College Islam itu kita hendak bentuk mereka ini dan kita hendak salorkan supaya sesuai dengan keadaan masa yang dia dudok. Dia keluar daripada College Islam, kita hendak salorkan dia, kalau dia layak dia menjadi guru, kita hendak masokkan ka-Sekolah² Menengah Kerajaan Kebangsaan, atau Jenis Kebangsaan. Murid, atau pun guru yang hendak masok di-situ, mesti mempunyai alat² yang bukan sahaja tahu membezakan halal dengan haram, tetapi tahu kapada ilmu² 'am, ilmu² dunia yang disuroh oleh ugama mempelajari-nya yang pada mula-nya dia tidak mempelajari itu, terpaksa dia dapat daripada College Islam, kadang² kita tengok bahawa anak² kita di-College Islam, habis kelas yang tinggi sa-kali kelulusan tentang pelajaran 'am-nya hanya kelulusan L.C.E. sahaja dan ini tidak memuaskan hati kita. Kalau kita katakan-lah College Islam itu kita ishtiharkan sekarang, hendak di-jadikan universiti, penuntut mana-kah yang hendak dudok dalam universiti ini? Penuntut yang datang dari mana-kah yang hendak dudok, ada-kah penuntut yang hendak dudok ka-universiti itu daripada sekolah² pondok yang bertaboran sekarang ini macham Sekolah Pondok di-Bunot Payong, atau Sekolah Pondok Seberang Perai. Adakah murid² ini yang kita hendak masokkan ka-universiti? Dan apa akhir-nya akan jadi Universiti Islam yang di-belanja oleh Kerajaan yang

bermillion ringgit itu, yang kalau sa-kira nya kelulusan atau kelayakan daripada universiti, keluaran daripada universiti itu tidak mempunyai alat² yang sempurna bagi menghadapi kempen-lah kita katakan, atau pun propaganda ugama lain pun fahaman ideology yang baharu dalam dunia ini, sedangkan dia tidak mempunyai alat yang sempurna. Jadi, apa ma'ana-nya kita iktirafkan dia sa-bagai sa-buah Universiti Islam?

Sebab itu-lah saya kata yang penting bagi kita menyusun dari bawah. Kita susun daripada bawah, kita beri dari sekolah permulaan, sekolah sanawiah, sekolah menengah, kemudian kita sesuaikan dengan ilmu pengetahuan yang ada sekarang, kita patut belajar daripada sekolah² Christian. Sekolah² Christian, macham Methodist Girls School, atau Methodist Boys School, atau yang lain², Anglo Chinese School mithal-nya, Convent—orang² ini pada asal-nya ia-lah Sekolah Missionary, Sekolah Di'ayah, atau pun Sekolah Pengembang Ugama Christian, tetapi sekolah ini dapat mensesuaikan dirinya dengan keadaan pelajaran, pendidikan dan dasar pelajaran yang di-punyai oleh Kerajaan.

Jadi, soal ugama di-sekolah itu hanya satu mata pelajaran yang tidak di-wajibkan. Kalau dia hendak belajar sa-bagai Christian, belajar-lah; kalau dia sa-bagai sa-orang Islam tidak di-wajibkan belajar di-situ, malah di-Sekolah Convent itu di-mana 15 orang murid Islam, maka kita masukkan ka-dalam benting yang sa-lama ini tidak pernah di-bolehkan sa-barang guru ugama masuk ka-Convent, atau Sekolah² Christian. Ini satu kejayaan kita yang patut Ahil Yang Berhormat itu bershukor dengan dasar kita.

Jadi, apa yang telah berlaku, Sekolah Convent, Sekolah Missionary Christian itu telah dapat mensesuaikan dirinya dengan keadaan, dengan masa, dengan bentuk, dengan masharakat, dengan dasar pelajaran yang kita punya. Maka kita beri bantuan—tidak sedikit anak² kita yang keluar daripada Convent, tidak sedikit anak² Islam yang keluar daripada sekolah Methodist, tidak sedikit yang keluar daripada

Saint Joseph dan macham² sekolah Christian dalam negeri ini yang kita telah masukkan, ada-kah dia masuk Sekolah Christian itu berma'ana bahawa anak kita itu sudah jadi Christian?

Anak kita tidak jadi Christian, tetapi anak kita mendapat pengetahuan, ilmu pengetahuan yang di-dapati-nya di-sekolah² Kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah dasar yang patut kita ambil contoh. Kalau sekolah ugama kita sekarang ini sanggup menjadi seperti yang telah di-buat oleh sekolah² Christian, kita sanggup menerima dasar pelajaran, kita sanggup menjalankan dasar² yang menjadi asas kepada Undang² Pelajaran kita, dan kemudian kita beri kepada-nya pelajaran ugama, maka bagi saya permulaan itu akan sampai kepada penyudah-nya dan akhir-nya akan sampai kepada peringkat yang menyegarkan kita, tetapi sekarang ini chuba tengok, Tuan Yang di-Pertua, sekolah ugama kita, Yang Berhormat Menteri Pelajaran minta supaya ahli² ugama adakan kongres, adakan seminar, panggil guru² sekolah ugama kita, fikirkan baik² apa-kah nasib guru sekolah ugama dan sekolah² ra'ayat kita di-masa yang akan datang; sampai pada hari ini kita belum dapat menerima apa-kah tindakan yang patut di-ambil oleh mereka sendiri terhadap sekolah² yang bersibaran, yang bermacam² bentok dan bermacam² keadaan itu. Ada-kah ini tidak penting lebih dahulu kita utamakan? Ini-lah yang menjadi mustahak-nya asas kepada tertuboh-nya sa-buah kolej dan kemudian tertuboh-nya sa-buah universiti, tetapi tiba² kita hendak buat satu universiti. Sa-lain daripada masalah guru, masalah murid akan timbul.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Bachok, chuba hendak menjadi sa-orang professor di-Sekolah Tinggi di-Kota Bharu. Ia sedang menyusun sekarang sa-buah universiti fakultas shara'ah, satu fakultas akan di-buka ia-itu fakultas shara'ah. Kita akan tengok-lah sa-jauh mana theory yang di-kemukakan di-dalam Dewan ini,

berjaya atau tidak berjaya, sebab theory sahaja—berchakap sahaja, senang; kita boleh pergi macham banyak negeri kalau kita hendak pergi Indonesia; saya pun dahulu masuk universiti juga dahulu, Tuan Yang di-Pertua, di-Indonesia—saya masuk universiti, tetapi universiti itu saya sendiri pun tidak percaya—tidak percaya sebab dia datang daripada perengkat yang bawah naik ka-atas, tidak tersusun. Bila sampai ka-atas, masuk universiti nama-nya Universiti Jamiah Islamiah—Universiti Islam. Tetapi saya sendiri meyakinkan bahawa kalau ini-lah bentuk-nya universiti, maka bukan sahaja akan meruntuhkan kemornian Islam itu tetapi akan memberi gambaran kepada orang bahawa orang Islam ada-lah umat yang tidak tahu kepada kema-juan pada hakikat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lah kalau sa-kira-nya kita hendak membanteras soal² perbezaan ibadat yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, chuba tengok di-Tanah Melayu ini kata-nya ada Shafi'i, ada Maliki, ada Hanbali. Ini menunjukkan keluasan fahaman di-dalam Islam. Ini bukan menunjukkan perpechahan di-dalam Islam. Ini menunjukkan demokrasi di-dalam Islam. Awak boleh pilih mana awak suka. Chari-lah ilmu pengetahuan, ijti-had ada, hatta tidak hendak berimam, ber-mazhab pun tidak apa, asal kita mempunyai pengetahuan, tetapi kita tidak boleh menyalahkan di-antara orang ini salah, orang ini salah, Shafi'i ini salah, ini Maliki salah; saya sahaja ahli sunah wal juma'ah masuk Shurga; orang lain tidak boleh masuk Shurga. Faham ini-lah yang tidak boleh sa-rupa macham faham PAS. Yang masuk PAS sahaja, masuk Shurga; orang Perikatan bau Shurga pun tidak dapat. Faham ini yang salah. Faham ini yang mesti di-benteras.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, masalah PAS masuk Islam itu, ini di'ayah daripada Yang Berhormat daripada Hilir Perak sahaja. Kami PAS tidak berkata begitu. Lagi pun perkara yang di-katakan di-mana-kah akan datang-nya penuntut², dia tidak tahu-kah beberapa buah sekolah² Ma'ahad di-dalam

Tanah Melayu ini yang pergi ka-Mesir untuk belajar di-kuliah tashrik di-Azhar Universiti di-sana, perkara ini tidak berbangkit lagi, jikalau dia tidak tahu, boleh dia bertanya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tidak tahu; saya hendak beri tahu dengan dia. Bukan dia hendak beri tahu saya; saya hendak beri tahu dengan dia. Bahawa sekolah Ma'ahad

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, beratus² anak² Melayu yang belajar di-Mesir itu keluaran di-mana?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Awak dudok-lah, saya sekarang hendak berchakap ini! Sekolah Ma'ahad yang banyak ini tidak sa-rupa tingkatan pelajaran-nya. Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat itu, ada-kah Ma'ahad² yang ada sekarang sa-rupa tingkatan pelajaran-nya? Saya minta jawab.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, itu di-terima oleh Azhar di-sana.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Sebab Ma'ahad Mahmud di-Alor Star dengan Ma'ahad Muhamadi yang ada di-Kota Bharu, sama atau tidak pelajaran-nya—tingkatan pelajaran-nya?

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Sama-nya memang ada perubahan tetapi di-terima di-sana kalau sa-kira-nya Ma'ahad yang di-Kota Bharu itu rendah dia punya mutu-nya, tentu Universiti di-Mesir tidak terima. Tetapi kenapa di-terima? Tanda dia tidak tahu!

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita bukan hendak pergi ka-Universiti Azhar. Kita hendak pergi ka-Universiti kita. Bila kita hendak pergi ka-Universiti kita, kita hendak-lah samakan perengkat persekolahan orang itu dan semua mata pelajaran, ada pun dia pergi ka-Azhar Universiti—di-Azhar Universiti, ada macham² kuliah ada di-situ, macham² faculty ada di-situ, dan sa-belum dia

masuk ka-faculty itu, dia memasoki persediaan lebih dahulu untuk menyamakan pelajaran ilmiah yang akan diambil-nya itu dengan orang yang hendak di-masoki-nya. Tetapi sekarang ini bagi kita, saya sudah menyelideki, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana penuntut kita di-Mesir. Dan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara dan Kemaman sa-bagai orang yang telah berpengalaman di-dalam Kaherah Azhar Universiti, bagaimana anak kita stranded, bagaimana anak kita terpaksa menunggu bertahun² untuk menyamakan diri-nya dengan kelayakan yang dia boleh masuk ka-dalam universiti itu—dalam Azhar Universiti. Jadi ada-kah kita hendak membiarkan anak kita itu berlonggok di-Azhar, berlonggok di-Mesir bertahun² sa-belum masuk ka-universiti, pada hal dia telah membelanjakan wang beberapa banyak. Jadi, bagi kita sekarang ini, kalau kita hendak buat sa-buah Universiti Islam dalam negeri ini yang penting bagi kita menyatukan dasar pelajaran sekolah² rendah Islam dalam satu bentok (uniformity) di-dalam dasar pelajaran, kemudian di-samping itu menerima dasar pelajaran 'am, erti-nya dasar pelajaran yang boleh dia menyamakan diri-nya dengan sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan sa-hingga dia boleh bertanding dengan murid jenis kebangsaan, murid sekolah menengah kebangsaan, murid sekolah menengah jenis kebangsaan; boleh masuk ka-universiti Form VI sa-rupa dengan itu dan kalau orang ini pergi ka-Universiti Malaya, dia pergi ka-Universiti Islam tetapi kedudukan di-dalam dasar pelajaran yang sama dan kelebihan orang yang ka-Universiti Islam ini hanya pengetahuan Islam-nya lebih daripada yang lain. Ini yang kita mahu. Ada-kah ini sudah kita mempunyai persediaan; kita belum, di-dalam peringkat ini, sebab itu-lah Kerajaan kita sekarang ini—sekolah agama kita tidak berdaya hendak membuat itu kita masukkan pelajaran agama ka-dalam sekolah² agama, dengan harapan dia dapat melanjutkan pelajaran-nya ka-Kolej Islam. Dan jikalau Kolej Islam itu sudah dapat aliran-nya daripada sekolah² rendah, ini dengan mudah, dengan sendiri-nya nanti tidak payah

usul ini dengan sendiri-nya Kolej Islam itu. Ada-kah merupakan sekolah tinggi Islam? Apa-kah nama-nya soal lain, universiti-kah; Universiti Kolej-kah. Soal-nya soal kemudian, tetapi soal-nya ia-itu Kolej Islam itu merupakan perguruan Islam yang tertinggi di-tanah ayer kita ini yang kelulusannya sa-rupa macham Azhar Universiti. Itu yang kita mahu, bukan hendak ishtiharkan ini universiti. Kerja yang sa-macham ini, apa fasal ini, Tuan Yang di-Pertua, yang bagi saya sendiri tidak dapat hendak masuk 'akal—tidak masuk 'akal. Apa lagi kalau kita ikuti dia punya keterangan tadi, tidak ada sangkut menyangkut sama sa-kali kepentingan kelayakan chara bagaimana hendak kita sampai kepada peringkat universiti. Apa yang kita dengar akhlak jatuh, orang berjudi, orang berkhawat. Kalau di-bilek Universiti Azhar hendak khalwat pun boleh juga. Kalau masuk PAS pun buka pusat badan pun dia boleh buat juga; bukan ini terletak kepada sijil! Ini terletak kepada keyakinan. Berapa banyak orang Perikatan tidak minum arak? Berapa banyak orang PAS minum arak? Ada juga. Ini soal-nya, Tuan Pengerusi, bukan pada nama. Ini soal pada pendidekan—soal pendidekan, dia tidak sangkut dengan universiti ini. Soal universiti soal pelajaran. Soal akhlak ia-lah soal iman. Jadi, itu-lah saya katakan tadi usul ini tidak ikhlas. Usul ini tidak jujur. Kerana tidak jujur kita tolak. Bukan kita menolak tentang kita mahu meninggikan dasar Islam; kita mahu meninggikan dasar Islam. Siapa yang berjuang menegakkan Islam menjadi agama Islam sa-bagai agama rasmi ditulis di-dalam Perlembagaan, orang PAS? Orang PAS sa-orang pun tidak ada hendak buat. Tidak ada satu benda pun dia buat.

Berkenaan dengan hendak meletakkan Islam sa-bagai agama rasmi, kita orang UMNO yang di-maki-nya inilah yang meletakkan Islam sa-bagai agama rasmi di-dalam Perlembagaan kita. Dan kita bertanggung-jawab, kita akan mengisi-nya tetapi chara pengisian kita itu peringkat demi peringkat. Kita mengisi-nya chara yang layak dan chara yang kita sanggupi. Bukan chara

mendorong² tidak fasal. Tidak senonoh punya kerja yang sa-macham itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya oleh kerana kawan saya hendak berchakap agak-nya

Mr Speaker: Apa yang hendak di-chakapkan? Sudah habis masa-nya!

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya saya

menolak. Saya tidak bersetuju dengan dasar ini kerana alasan-nya tidak jujur. Oleh kerana tidak jujur, tidak ikhlas, kita menolak usul ini.

Mr Speaker: Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan sekarang, pada suatu hari yang tidak di-tetapkan.

Adjourned sine die at 8.00 p.m.